

PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM NOVEL
IN DUBIOUS BATTLE / PERJUANGAN SIA-SIA

NADZIRAH RAMLEE

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

**PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM
NOVEL *IN DUBIOUS BATTLE* /
PERJUANGAN SIA -SIA**

NADZIRAH RAMLEE

**KERTAS PENYELIDIKAN DISERAHKAN KEPADA
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI
MALAYA, SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA
PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **NADZIRAH BINTI RAMLEE**

No. Matrik: **JGA160010**

Nama Ijazah: **SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM NOVEL *IN DUBIOUS BATTLE* / PERJUANGAN SIA-SIA

Bidang Penyelidikan: **PENTERJEMAHAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM NOVEL *IN DUBIOUS BATTLE*
/ PERJUANGAN SIA-SIA**

ABSTRAK

Penterjemahan melibatkan proses pemindahan maklumat daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kajian yang dijalankan ini melibatkan proses penterjemahan bagi dua budaya dan bahasa yang berbeza iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Tujuan kajian ini dilakukan untuk membincangkan terjemahan unsur budaya dari segi klasifikasi budaya dan prosedur terjemahan yang terdapat dalam teks terjemahan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Pendekatan utama yang digunakan dalam kajian ini ialah teori terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1988). Teori terjemahan budaya Newmark merupakan pegangan asas dalam menganalisis data bagi mencapai tujuan kajian. Kesesuaian teori ini digunakan untuk mengkaji klasifikasi budaya dan prosedur terjemahan budaya yang terdapat dalam bahasa sasaran. Unsur budaya dalam teori ini terbahagi kepada budaya ekologi, budaya material, budaya sosial, organisasi sosial dan gerak isyarat dan tabiat. Selain itu, hasil kajian bagi prosedur terjemahan budaya memperlihatkan beberapa prosedur yang menjadi keutamaan dalam terjemahan teks sumber. Prosedur terjemahan literal atau terjemahan langsung kerap digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan teks sumber ke teks sasaran. Kaedah ini merupakan cara yang paling sesuai digunakan dalam menyampaikan mesej dalam karya sastera bagi memenuhi bentuk dan makna. Oleh itu, terjemahan sesuatu karya perlu berdasarkan kaedah atau prosedur terjemahan bagi memastikan karya terjemahan yang dihasilkan adalah berkualiti.

Kata Kunci: penterjemahan, budaya, prosedur terjemahan, bahasa Inggeris, bahasa Melayu

CULTURE TRANSLATION IN NOVEL *IN DUBIOUS BATTLE* /

PERJUANGAN SIA-SIA

ABSTRACT

Translation is the process of transferring information from source language to target language. This study involves a process of translation of two different cultures and languages, the English and Malay language. The purpose of this study is to discuss the translation of cultural elements in terms of cultural classifications and translation procedures that consist in the English and Malay translated text. The main approach use in this study is based on the theory of culture introduced by Newmark (1988). The theory of cultural translation by Newmark is used as a fundamental basis in analyzing data to achieve the purpose of the study. This theory is also appropriate to examine the cultural classification and cultural translation procedures of the target language. The cultural elements in this theory are divided into ecology, material culture, social culture, social organization (political and administrative), and gestures and habits. In addition, findings on translation procedures illustrates several procedures that are being emphasize in the translation of source texts. The procedures of literal translation or direct translation are often used by translators in translating source text into target text. This method is the most appropriate in delivering messages of literature in terms of form and meaning. Therefore, the translation of a literature should be based on a method or procedure of translation to ensure the translation piece to be produced is high quality.

Keywords: translation, culture, translation procedure, English, Malay language

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah KurniaNya, dipermudahkan segala urusan dalam menyiapkan kertas penyelidikan ini sebaik mungkin.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada Prof. Dr. Puteri Roslina Abd Wahid selaku penyelia atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang membina sepanjang penyediaan kertas penyelidikan ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua pensyarah di Akademi Pengajian Melayu yang tanpa jemu mencurahkan ilmu serta tunjuk ajar sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang pengajian saya di Universiti Malaya.

Di samping itu, ucapan penghargaan terima kasih kepada ibu bapa dan adik beradik yang banyak berkorban serta memberi semangat kepada saya sepanjang pengajian di universiti ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat saudara mara dan teman seperjuangan yang tidak jemu memberikan sokongan sepanjang menjalankan kajian ini. Semoga jasa baik kalian diberkati oleh Allah.

NADZIRAH RAMLEE

Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

ISI KANDUNGAN

Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual.....	xi
Senarai Singkatan.....	xii
Senarai Lampiran	xiii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Permasalahan Kajian.....	3
1.4 Persoalan Kajian.....	5
1.5 Objektif Kajian.....	5
1.6 Kepentingan Kajian.....	6
1.7 Bahan Kajian.....	7
1.8 Batasan Kajian	8
1.9 Definisi Operasional.....	9
1.9.1 Penterjemahan.....	9
1.9.2 Kaedah Terjemahan	10
1.9.3 Prosedur Terjemahan	12
1.9.4 Budaya	13
1.10 Rumusan.....	15

BAB 2: SOROTAN KAJIAN	16
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Kajian Lepas.....	16
2.1 Penterjemahan Dari Segi Bahasa	18
2.2 Penterjemahan Budaya.....	21
2.3 Strategi Penterjemahan.....	23
2.3 Analisis Kritis Kajian Lepas	25
2.4 Rumusan.....	26
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	27
3.1 Pendahuluan	27
3.2 Kerangka Teori.....	27
3.2.1 Kerangka Pendekatan Unsur Budaya.....	28
3.2.2 Kerangka Pendekatan Prosedur Terjemahan	30
3.3 Metodologi Kajian	31
3.3.1 Kajian Kepustakaan	32
3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data	33
3.3.3 Kaedah Penganalisan Data	34
3.4 Rumusan.....	36
BAB 4: KLASIFIKASI UNSUR BUDAYA PENTERJEMAHAN.....	37
BAHASA INGGERIS – BAHASA MELAYU	
4.1 Pendahuluan	37
4.2 Klasifikasi Penterjemahan Budaya Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu.....	37
4.3 Ekologi	39
4.4 Budaya Material	44

4.5	Budaya Sosial.....	50
4.6	Organisasi Sosial.....	52
4.7	Gerak Isyarat dan Tabiat.....	54
4.8	Rumusan.....	56

BAB 5: PROSEDUR PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA57

BAHASA INGGERIS – BAHASA MELAYU

5.1	Pendahuluan.....	57
5.2	Neutralisasi.....	57
5.3	Persamaan Budaya.....	59
5.4	Pemindahan.....	60
5.5	Terjemahan Literal.....	61
5.6	Terjemahan Label.....	62
5.7	Naturalisasi.....	64
5.8	Pengguguran dan Pengembangan.....	65
5.9	Parafrasa.....	67
5.10	Kuplet.....	68
5.11	Sinonim.....	69
5.12	Nota, maklumat tambahan dan glos.....	71
5.13	Rumusan.....	73

BAB 6: KESIMPULAN74

6.1	Pendahuluan.....	74
6.2	Rumusan Dapatan Kajian.....	74
6.2.1	Klasifikasi Unsur Budaya dalam Teks BI (<i>In Dubious Battle</i>) dan Terjemahan dalam BM (<i>Perjuangan Sia-Sia</i>).....	75
6.2.2	Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Teks BI (<i>In Dubious Battle</i>)	

dan Terjemahan dalam BM (<i>Perjuangan Sia-Sia</i>).....	76
6.3 Cadangan Kajian Masa Hadapan	78
6.4 Rumusan.....	80
Rujukan	81
Lampiran	85

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	: Kaedah Terjemahan (Newmark, 1988)	10
Rajah 3.1	: Klasifikasi Budaya Terjemahan (Newmark, 1988)	28
Rajah 3.2	: Prosedur Terjemahan Budaya (Newmark, 1988)	30

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	: Muka Bumi	40
Jadual 4.2	: Iklim	41
Jadual 4.3	: Flora	42
Jadual 4.4	: Fauna	44
Jadual 4.5	: Pakaian	45
Jadual 4.6	: Makanan	46
Jadual 4.7	: Peralatan	48
Jadual 4.8	: Pengangkutan	49
Jadual 4.9	: Kediaman	50
Jadual 4.10	: Pekerjaan	51
Jadual 4.11	: Perumpamaan	52
Jadual 4.12	: Politik dan Sejarah	53
Jadual 4.13	: Keagamaan	54
Jadual 4.14	: Gerak Isyarat dan Tabiat	55

SENARAI SINGKATAN

BM	:	Bahasa Melayu
BI	:	Bahasa Inggeris
UBE	:	Unsur Budaya Ekologi
UBM	:	Unsur Budaya Material
UBS	:	Unsur Budaya Sosial
UBOS	:	Unsur Budaya Organisasi Sosial
UBGT	:	Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Muka Depan Bahan Kajian	85
Lampiran B: Senarai Data Unsur Budaya	87

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk berhubung atau berinteraksi antara individu dengan individu yang lain. Bahasa juga digunakan oleh manusia untuk menyampaikan perasaan, pemikiran dan sikap mereka terhadap sesuatu perkara. Menurut Harimurti (1984) bahasa ialah sistem lambang-lambang yang bersifat arbitrari sebagai alat untuk digunakan oleh masyarakat bagi berkomunikasi antara satu sama lain. Setiap masyarakat mempunyai sistem bahasa mereka tersendiri yang membolehkan berlakunya proses interaksi dan komunikasi.

Selain itu, bahasa yang berfungsi sebagai alat perhubungan merupakan alat terpenting dalam proses sosialisasi (*socialisation*) yang memungkinkan seseorang menjadi ahli kumpulan dengan mengetahui dan mempraktikkan hukum-hukum interaksi kumpulan. Bahasa bukan sahaja menjadi penyatu dalam sistem sosial malah merupakan infrastruktur yang penting dalam penyampaian dan pemindahan ilmu (Awang Sariyan, 2002). Hal ini menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan yang penting sebagai alat perhubungan dalam proses membentuk dan memperkembangkan sesuatu kebudayaan.

Bidang penterjemahan bukanlah bidang yang baru wujud sebaliknya bidang ini telah berkembang dan dikaji oleh sarjana-sarjana terdahulu. Penterjemahan memainkan peranan penting bagi masyarakat bahasa kerana dengan adanya hasil penterjemahan masyarakat akan memperoleh sesuatu maklumat yang diperlukan walaupun tidak menguasai bahasa sumber tersebut. Oleh itu, bidang penterjemahan dilihat sebagai satu unsur yang penting bagi masyarakat bahasa.

Secara umumnya penterjemahan ialah proses atau aktiviti memindahkan sesuatu maklumat daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Menurut Larson (1984) menterjemah adalah proses mengkaji leksikon, struktur tatabahasa, situasi komunikasi, dan konteks budaya dalam teks bahasa sumber. Aktiviti ini juga bertujuan untuk menganalisis teks bahasa sumber untuk menentukan makna, dan merekonstruksi makna yang sama dengan menggunakan leksikon dan struktur bahasa yang bersesuaian dengan budaya dan bahasa penerima.

Jelaslah bahawa penterjemahan merupakan satu aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat bahasa dalam berkomunikasi terutamanya untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Adanya aktiviti penterjemahan ini maklumat bahasa sumber dapat dipindahkan kepada bahasa sasaran dengan tepat dan padat. Hal ini secara tidak langsung memberi kemudahan kepada masyarakat untuk mengakses maklumat yang diperlukan dengan mudah dan cepat. Oleh itu, penterjemahan merupakan aktiviti yang penting kepada masyarakat bahasa untuk menyebarkan maklumat sama ada dari segi pemikiran, politik, agama, budaya dan sebagainya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang penterjemahan mula berkembang di Timur Tengah dengan penemuan batu bersurat di Sungai Nil yang bertarikh 3000 SM. Penterjemahan terawal telah dilakukan oleh Lirus Andronicus pada 250 SM yang menterjemahkan karya Homer dan Odyssey daripada bahasa Yunani ke dalam bahasa Latin (Finlay, 1971 dlm. Puteri Roslina Abdul Wahid 2012). Karya-karya agung juga turut diterjemahkan oleh sarjana-sarjana ke dalam bahasa Arab seperti Aristotle, Plato dan Hippocrates. Perkembangan penterjemahan ini telah menjadi satu bidang ilmu yang penting dalam menterjemah dan menyebarkan sesuatu maklumat.

Perkembangan penterjemahan di Malaysia terdiri daripada empat zaman iaitu penterjemah istana, penterjemah sebagai mubaligh, rakyat sebagai penterjemah dan ahli penterjemah profesional. Pada peringkat awal Pejabat Karang Mengarang (PKM) ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan kegiatan penterjemahan. Sehingga tahun 1963, PKM telah menghasilkan buku teks yang terbahagi kepada lima kelompok iaitu buku teks sekolah; sejarah; matematik; geometri dan congak; ilmu alam; dan kesihatan dan latihan tubuh. Kegiatan penterjemahan ini dilakukan untuk menulis, menterjemah dan menyunting buku pelajaran untuk kegunaan pelajar sekolah dan masyarakat.

Perkembangan kegiatan penterjemahan diteruskan lagi dengan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1956 di Johor Bahru. Pada tahun 1957 DBP telah dipindahkan ke Kuala Lumpur dan PKM telah diserapkan ke dalam DBP untuk memainkan peranan dalam bidang penterjemahan. Bahagian penterjemahan diperlukan DBP bagi menerbitkan buku teks dan rujukan dalam pelbagai ilmu, buku sastera dan falsafah, dan buku umum. Pada 14 September 1993 Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) ditubuhkan bagi mengembangkan aktiviti terjemahan di Malaysia. Oleh itu, bidang penterjemahan telah berkembang untuk memenuhi keperluan maklumat di negara kita.

1.3 Permasalahan Kajian

Penterjemahan karya sastera merupakan satu proses terjemahan yang sukar dan rumit. Isu utama penterjemahan yang sering dibincangkan oleh pengkaji adalah dari segi pengekalan bentuk atau makna teks sumber. Hal ini demikian kerana sesebuah karya sastera seperti novel banyak menggunakan bahasa tersirat atau bahasa perlambangan yang memerlukan kebijaksanaan pembaca untuk memahaminya. Kebiasaannya, bahasa-

bahasa tersirat ini mengandungi makna yang terselindung dan sukar diterjemahkan konsepnya secara langsung.

Dua aspek penting dalam proses terjemahan karya sastera, iaitu dari segi sintaksis dan semantik. Penterjemahan dari segi sintaksis melibatkan struktur bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Penterjemah yang mementingkan unsur sintaksis akan memastikan kegramatisan struktur bahasa sasaran dengan penggunaan padanan kata yang tepat manakala aspek semantik dapat dilihat pada ketepatan makna yang terkandung dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Penterjemahan karya sastera merupakan satu proses yang sukar khususnya dalam menterjemah unsur budaya yang terdapat dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana budaya sesebuah masyarakat adalah berkait dengan pengalaman hidup mereka. Setiap masyarakat di dunia ini mempunyai budaya yang berbeza dan hal ini menjadi kesukaran bagi penterjemah untuk menyampaikan maksud atau konsep budaya tersebut. Kajian yang berkaitan dengan penterjemahan unsur budaya secara keseluruhannya masih kurang dilakukan oleh pengkaji.

Jelaslah bahawa permasalahan utama dalam penterjemahan ialah kepentingan terjemahan sama ada perlu mengekalkan bentuk atau makna yang ingin disampaikan dalam teks sumber. Kajian yang dilakukan ini diharap dapat membantu menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam bidang penterjemahan. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan dan membantu penterjemah sebelum menjalankan aktiviti penterjemahan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan perincian kepada pernyataan masalah yang dibuat secara berurutan mengikut langkah demi langkah penyelesaian kajian. Oleh itu, menurut pengkaji terdapat beberapa persoalan kajian dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Apakah jenis unsur budaya yang terdapat dalam teks bahasa Inggeris (*In Dubious Battle*) dan terjemahan dalam bahasa Melayu (*Perjuangan Sia-Sia*)?
- ii. Apakah prosedur terjemahan unsur budaya yang digunakan dalam teks bahasa Inggeris (*In Dubious Battle*) dan terjemahan dalam bahasa Melayu (*Perjuangan Sia-Sia*)?

1.5 Objektif Kajian

Pengkaji merasakan adalah penting untuk menggariskan tujuan sebenar kajian ini dijalankan bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar dan menghasilkan karya atau hasil kajian yang bermanfaat kepada pengkaji-pengkaji lain yang akan menjalankan kajian sebegini. Oleh itu, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif utama yang difikirkan wajar dalam kajian ini. Antara objektif kajian ialah:

- i. Mengenal pasti jenis unsur budaya dalam teks bahasa Inggeris (*In Dubious Battle*) dan terjemahan dalam bahasa Melayu (*Perjuangan Sia-Sia*).
- ii. Menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya yang digunakan dalam teks bahasa Inggeris (*In Dubious Battle*) dan terjemahan dalam bahasa Melayu (*Perjuangan Sia-Sia*).

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini memberi tumpuan kepada pengklasifikasian dan strategi penterjemahan yang digunakan dalam mengkaji unsur budaya. Dapatan yang diperoleh ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutama mereka yang terlibat dalam aktiviti penterjemahan. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu perkembangan kegiatan penterjemahan di Malaysia.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini dapat menggariskan kaedah atau strategi yang digunakan dalam penterjemahan unsur budaya teks sastera bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Penterjemahan unsur budaya merupakan suatu yang sukar dilakukan kerana wujudnya perbezaan budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Oleh itu, dengan adanya panduan kaedah terjemahan yang digariskan dalam kajian ini dapat membantu kerja-kerja penterjemahan pada karya lain.

Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat mengisi kelompongan yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu. Kajian yang dilakukan ini diharap dapat dijadikan sebagai rujukan ilmiah kepada pengkaji akan datang mahupun mereka yang terlibat dalam aktiviti penterjemahan. Hal ini secara tidak langsung dapat menambahkan kajian-kajian yang berkaitan penterjemahan khususnya penterjemahan unsur budaya.

Secara keseluruhannya, budaya dan bahasa menunjukkan hubungan kebergantungan yang penting dalam sesebuah masyarakat. Penterjemahan unsur budaya yang dilakukan harus menepati makna agar tidak tersasar daripada makna bahasa sumber. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini dapat memberi manfaat dan menjadi sumber rujukan kepada penterjemah agar hasil terjemahan yang dilakukan adalah berkualiti.

1.7 Bahan Kajian

Bahan kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah novel *In Dubious Battle* karya John Steinbeck. Karya ini diterbitkan pada tahun 1936 oleh The Modern Library New York. Terjemahan karya, iaitu 'Perjuangan Sia-Sia' telah diterjemahkan oleh Muhammad Ridwan. Karya terjemahan ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1989.

Karya In Dubious Battle (Perjuangan Sia-Sia) mengisahkan tentang kehidupan yang berlatarbelakang California pada tahun-tahun tiga puluhan. Pada zaman kemelesetan ini dipenuhi dengan peristiwa berdarah yang dihadapi masyarakat terutamanya golongan pekerja. Golongan pekerja telah ditindas demi kepentingan dan keuntungan golongan atasan. Zaman ini memperlihatkan kebangkitan kesatuan pekerja berjuang menentang golongan penindas yang sering memeras kaum pekerja. Kesatuan pekerja ini terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai buruh di kebun epal. Sikap dan pendirian penulis dalam menegakkan keadilan, dan maruah manusia jelas terpancar sepanjang penceritaannya dalam karya ini. Hal ini menunjukkan bahawa karya ini menjadi wadah untuk penulis menyampaikan perasaan dan pemikrannya terhadap peristiwa yang berlaku zaman itu.

Pemilihan karya *In Dubious Battle (Perjuangan Sia-Sia)* sebagai bahan kajian kerana karya ini merupakan salah satu karya agung John Steinbeck disamping karya-karya lainnya yang terkenal. Karya ini juga telah diadaptasikan kepada filem pada tahun 2016 yang diarahkan oleh James Franco. Dalam karya ini mengandungi unsur budaya sama ada budaya material mahupun budaya bukan material yang diperlukan dalam kajian ini. Karya ini jelas memperlihatkan budaya masyarakat Barat pada tahun 30-an sepanjang penceritaan dalam karya ini. Oleh itu, pengkaji berpendapat karya ini adalah sesuai untuk digunakan sebagai bahan kajian untuk mengkaji penterjemahan unsur budaya.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada teks bahasa sumber novel *In Dubious Battle* dan terjemahan dalam bahasa sasaran *Perjuangan Sia-Sia* sahaja. Pengkaji membataskan kajian kepada satu novel sahaja kerana pastinya dalam sebuah novel ini mengandungi data-data yang di perlukan pengkaji. Dengan adanya pembatasan ini, kajian dapat dilakukan dengan menggunakan novel terjemahan secara menyeluruh. Kekuatan penceritaan yang terdapat dalam karya sastera ini juga menjadi faktor utama pengkaji memilih karya ini.

Selain itu, pengkaji juga membataskan kajian ini kepada unsur budaya yang dalam novel terjemahan karya sastera ini. Data-data yang diperolehi daripada karya sastera ini adalah berkaitan budaya material dan budaya bukan material. Kajian ini turut menggunakan pendekatan terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1988). Oleh itu, aspek-aspek lain tidak akan disentuh oleh pengkaji semasa menjalankan penyelidikan ini.

Meskipun kajian ini dibataskan kepada beberapa perkara, pengkaji berharap hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada penterjemah-penterjemah tempatan untuk meneruskan kegiatan penterjemahan bahasa dalam bidang-bidang lain juga. Hal ini bagi memastikan kesinambungan perkembangan ilmu diteruskan oleh pengkaji-pengkaji penterjemahan.

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep yang akan disentuh dalam bab seterusnya. Bagi mengelakkan kemungkinan salah faham mengenai konsep-konsep itu, pengkaji menghuraikan secara ringkas konsep-konsep tersebut. Antara konsep yang dihuraikan istilahnya seperti penterjemahan, kaedah penterjemahan, prosedur terjemahan dan budaya.

1.9.1 Penterjemahan

Penterjemahan merupakan satu kesenian yang dalamnya terangkum usaha menggantikan mesej dan atau pernyataan bertulis dalam sesuatu bahasa dengan mesej dan atau pernyataan yang sama dalam bahasa lain. Penterjemahan mencetuskan perdebatan yang berterusan, satu perbahasan logik, dengan hujah berdasarkan dakwaan bahasa masing-masing. (Newmark 1981).

Menurut Larson, Mildred L. (1998) terjemahan adalah proses yang berasaskan teori yang memungkinkan abstrak makna bagi teks asal dan memberikan makna yang mungkin berbeza ke dalam bahasa kedua. Beliau menegaskan bahawa terjemahan juga mempunyai fungsi-fungsinya yang tersendiri iaitu informatif, ekspresif dan imperatif. Pertama, fungsi informatif merujuk kepada penyampaian maklumat dan hasil terjemahan yang benar-benar difahami sahaja. Kedua, dalam fungsi ekspresif, pembaca bukan sahaja memahami apa yang dibacanya malahan merasakan kesannya juga. Ketiga, fungsi imperatif iaitu bahasa juga mempunyai peranan mendesak, memberi ancaman ancaman dan menghalang sesuatu perbuatan. Makanya, individu yang menjalankan aktiviti terjemahan bukan sahaja menguasai dua bahasa tetapi memerlukan kemahiran lebih daripada dua bahasa.

Terjemahan merupakan salah satu aktiviti yang dibuat oleh manusia berkomunikasi antara satu bahasa dengan bahasa lain antara satu budaya dengan budaya lain. Berkomunikasi ialah proses seseorang untuk berkongsi pengalaman dengan orang lain. Apabila manusia berkomunikasi mereka saling menyatakan pengalaman dan pengetahuan dengan hasilnya mereka memperoleh makna daripada pertukaran itu. (Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan, 2008).

1.9.2 Kaedah Penterjemahan

Newmark (1988) menyatakan tentang wujudnya perbezaan istilah antara kaedah dan prosedur terjemahan. Kaedah merupakan proses terjemahan yang berlaku pada keseluruhan teks yang diterjemah, manakala prosedur merujuk kepada pendekatan terjemahan yang digunakan terhadap unit bahasa yang lebih kecil. Beliau telah mencadangkan kaedah terjemahan dibahagikan kepada dua penekanan, iaitu penekanan bagi bahasa sumber dan penekanan bagi bahasa sasaran. Kaedah terjemahan Newmark disenaraikan dalam bentuk gambar rajah V seperti berikut:

Penekanan Bahasa Sumber	Penekanan Bahasa Sasaran
Terjemahan Perkataan <i>(Word-for-word translation)</i>	Adaptasi <i>(Adaptation)</i>
Terjemahan Literal <i>(Literal translation)</i>	Terjemahan Bebas <i>(Freetranslation)</i>
Terjemahan Kesetiaan <i>(Faithful translation)</i>	Terjemahan Idiomatik <i>(Idiomatic translation)</i>
Terjemahan Semantik <i>(Semantic translation)</i>	Terjemahan Komunikatif <i>(Communicative translation)</i>

Rajah 1.1: Kaedah Terjemahan (Newmark, 1988)

Dalam proses terjemahan, penterjemah menghasilkan hubungan antara pandangan khusus dalam dua sistem bahasa. Vinay dan Darbelnet (1958) dalam bukunya yang berjudul “*Stylistic compare du francais et de l’anglais*” telah memperkenalkan sembilan strategi penterjemahan. Pembahagian kaedah terjemahan dibahagikan kepada dua konsep, iaitu konsep terjemahan langsung (*literal*) dan terjemahan tidak langsung (*oblique*). Terjemahan langsung terdiri daripada prosedur pinjaman (*borrowing*), pinjam terjemah (*calque*), dan terjemahan literal (*literal translation*). Terjemahan tidak langsung pula terdiri daripada prosedur transposisi (*transposition*), modulasi (*modulation*), kesepadanan (*equivalence*), dan adaptasi (*adaptation*).

Nida (1964) telah menggariskan beberapa teknik terjemahan dalam bukunya yang berjudul *Towards a Science of Translating*. Teknik yang diperkenalkan oleh beliau dikenali sebagai ‘teknik pengubahsuaian’. Beliau membahagikan teknik ini kepada lima kategori, iaitu penambahan (*addition*), pengguguran (*subtraction*), pindaan (*alteration*) penggunaan nota kaki (*the use of footnotes*) dan penyesuaian bahasa kepada pengalaman (*adjustment of language to experience*). Tujuan teknik ini diperkenalkannya adalah untuk menghasilkan persamaan yang tepat antara mesej yang disampaikan oleh bahasa sumber dengan mesej yang dipindahkan dalam bahasa sasaran.

Oleh itu, kaedah terjemahan merupakan strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kaedah kajian ini digunakan pada unit bahasa yang lebih tinggi misalnya keseluruhan ayat dan wacana. Walaupun terdapat pelbagai kaedah terjemahan yang diperkenalkan oleh pengkaji terdahulu namun yang membezakannya adalah dari segi istilah sahaja. Secara umumnya kaedah terjemahan terbahagi kepada dua, iaitu kaedah terjemahan secara langsung dan kaedah terjemahan bebas.

1.9.3 Prosedur Penterjemahan

Kebanyakan pengkaji menggunakan istilah yang berbeza dalam menerangkan prosedur terjemahan. Prosedur terjemahan digunakan untuk mengkaji unit tatabahasa yang lebih kecil iaitu klausa dan perkataan. Newmark (1988) telah menggariskan beberapa prosedur terjemahan yang berfokus kepada terjemahan budaya. Prosedur yang diketengahkan oleh beliau ialah pemindahan (*transference*), persamaan budaya (*cultural equivalent*), persamaan fungsian dan deskriptif (*functional and descriptive equivalent*), terjemahan literal (*through-translation*), terjemahan label (*translation label*), naturalisasi (*naturalization*), analisis komponen, (*componential analysis*) pengguguran dan pengembangan (*reduction and expansion*), terjemahan sedia ada (*recognised translation*), parafrasa (*paraphrase*), nota, maklumat tambahan dan glos (*notes, addition and glosses*), kuplet (*couplets*) sinonim (*synonymy*).

Selain itu, Hervey dan Higgins juga turut memperkenalkan terjemahan unsur budaya dalam buku *Thinking French Translation: A Course in Translation Method: French to English* pada tahun 1992. Istilah ‘transposisi budaya’ (*cultural transposition*) dalam proses menterjemahkan unsur budaya turut diperkenalkan oleh Dickins, Hervey dan Higgins pada tahun 2002. Tahap penterjemahan unsur budaya yang disenaraikan oleh mereka ialah ekotisme, pinjam terjemah, pinjaman budaya, terjemahan komunikatif dan pemindahan budaya. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh mereka ini adalah dengan melihat kecenderungan prosedur terjemahan sama ada lebih cenderung kepada bahasa sasaran, iaitu ekotisme ataupun ke arah bahasa sasaran yang dikenali sebagai pemindahan budaya.

Nida (1964) membahagikan prosedur terjemahan kepada dua kategori, iaitu teknikal dan organisasi. Prosedur teknikal mengandungi tiga frasa, iaitu menganalisis bahasa sumber dan bahasa sasaran, mengkaji teks bahasa sumber dan mennetukan persamaan

yang sesuai. Prosedur organisasi pula melibatkan penilaian semula terhadap hasil terjemahan oleh penterjemah lain atau organisasi. Penilaian dilakukan bertujuan untuk menyemak ketepatan dan keberkesanan dan maklum balas daripada pembaca. Prosedur ini sering digunakan dan diaplikasikan untuk semua jenis terjemahan.

Oleh itu, terdapat pelbagai prosedur terjemahan yang telah dicadangkan oleh pengkaji terdahulu. Setiap prosedur terjemahan yang digariskan oleh pengkaji terdahulu mempunyai kekuatan tersendiri. Prosedur terjemahan yang dicadangkan oleh penterjemah bertujuan untuk menghasilkan teks terjemahan yang berkualiti. Kajian ini merujuk kepada prosedur terjemahan pada unit bahasa yang lebih kecil, iaitu frasa dan perkataan.

1.9.4 Budaya

Perkataan 'budaya' berasal daripada perkataan Sanskrit, iaitu buddhaya yang bermaksud segala yang mempunyai hubungan dengan akal dan budi manusia. Secara umumnya, budaya ialah cara hidup yang dimiliki oleh sekelompok masyarakat yang diwariskan secara turun-temurun kepada sesebuah generasi. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995) mendefinisikan budaya atau kebudayaan sebagai peradaban, tamadun, sudah maju, akal budi kemajuan (rohani dan jasmani), kultur.

E.B. Tylor (1871) telah mengemukakan satu konsep budaya yang komprehensif. Menurut beliau, semua perlakuan manusia yang tidak termasuk perlakuan biologikal adalah tergolong sebagai perlakuan budaya. Hal ini menjelaskan bahawa budaya adalah merangkumi semua aspek dalam kehidupan manusia.

"That complex whole which includes knowledge , belief, art, moral, law, custom, and any other capabilities and habits by man as a member of a society"

(E.B. Tylor, 1871).

Kroeber dan Kluckhohn dalam *Culture: A Critical Review of Concept and Definitions* (1952) menyenaraikan konsep ‘kebudayaan’ sebanyak 160 konsep yang pengertiannya saling bertindih dan menunjukkan persamaan konsep. Berdasarkan itu, mereka telah menggariskan enam konsep utama kebudayaan iaitu secara deskriptif, historis, normatif, psikologis, struktural dan genetik.

Menurut Geertz yang dipetik dalam buku terjemahan *Tafsiran Budaya* (dlm. Rohani Sulaiman, 2008), budaya boleh dibayangkan sebagai realiti ‘superorganik’ yang serba lengkap dengan kuasa objektifnya sendiri, iaitu untuk memantapkannya. Cara yang lain pula adalah dengan mendakwa bahawa budaya terdiri daripada daripada pola kasar peristiwa behaviorisme yang diperhatikan berlaku dalam mana-mana komuniti yang boleh dikenal pasti, iaitu untuk mengurangkannya. Produk budaya pula terdiri daripada idea, nilai, tindakan dan emosi yang ada pada manusia sejak mereka kecil lagi.

Haji Agus Salim (1990) yang merupakan seorang sarjana budayawan Nusantara telah mengungkapkan bahawa ‘kebudayaan’ adalah persatuan antara budi dan daya (Talib Samat, 2004). ‘Budi’ merujuk kepada makna yang luhur, murni dan suci manakala ‘daya’ merujuk kepada makna tenaga, kekuatan dan kesanggupan. Oleh itu, kebudayaan merupakan gabungan kedua-dua kekuatan tersebut untuk mewujudkan kesempurnaan dalam kehidupan yang pelbagai aspek.

Oleh hal yang demikian, budaya ialah perlakuan atau tingkah laku manusia dalam sesebuah masyarakat yang akhirnya menjadi perlambangan bagi masyarakat tersebut. Hal ini demikian kerana setiap masyarakat mempunyai budaya yang berbeza. Dalam

kajian ini budaya merujuk kepada cara hidup masyarakat Inggeris yang diterjemahkan ke dalam bahasa dan budaya Melayu.

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini menerangkan tentang objektif dan latar belakang kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Konsep-konsep yang digunakan dalam kajian penterjemahan juga dijelaskan secara menyeluruh agar tiada pengulangan dilakukan pada bab berikutnya. Penelitian penterjemahan unsur budaya merupakan satu kajian yang penting bagi bidang ini kerana dapat menambahkan hasil kajian penterjemahan sebagai sumber rujukan. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada pembaca khususnya kalangan penterjemah.

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menyorot kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bidang terjemahan termasuk terjemahan bahasa, terjemahan budaya dan kaedah terjemahan. Kajian lepas ini berfungsi untuk dijadikan sebagai bahan rujukan serta memberi gambaran awal dan landasan kepada pengkaji agar matlamat kajian yang dijalankan tidak tersasar. Malahan kajian yang dilakukan ini diharap dapat mengisi kelompongan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas dan seterusnya memberi manfaat untuk pengkaji akan datang.

2.2 Kajian Lepas

Analisis kajian lepas adalah bertujuan untuk melihat kelebihan dan kelemahan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Ulasan karya ditakrifkan sebagai himpunan pengetahuan yang dapat membantu penyelidik membina apa yang belum ada dalam sesebuah karya (Neuman, 2000). Dengan adanya kajian lepas ini, pengkaji dapat menghasilkan satu kajian baru yang dapat mengisi kelemahan atau kelompongan dalam kajian sebelum ini. Oleh itu, kepelbagaian kajian dapat dihasilkan untuk menjadi kekuatan khususnya dalam bidang penterjemahan.

Bagi pendekatan linguistik, penterjemahan meliputi terjemahan konteks 'makna' dalam satu set tanda bahasa kepada tanda bahasa lain. Dalam proses terjemahan, mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak merupakan aspek yang sangat penting. Bagi menyampaikan makna sesuatu mesej penterjemah perlu mengetahui cara atau strategi yang digunakan dalam menterjemahkan mesej teks sumber ke teks sasaran. Proses ini

melalui penggunaan kamus dan nahu serta keseluruhan kriteria bagi set ekstralinguistik. Kajian lepas yang meliputi pelbagai aspek terjemahan akan dihuraikan oleh pengkaji.

Abdul Rahman Mandali dan Hasuria Che Omar (2015) telah menjalankan satu kajian teks yang berjudul '*Aspek Metafora Dalam Retong dan Srengenge: Analisis Kaedah Penterjemahan dan Pemindahan Makna*'. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis struktur metafora hidup dan metafora mati. Selain itu, kajian ini turut menganalisis strategi penterjemahan dan kesan terjemahan daripada segi makna. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini didapati bahawa struktur metafora konsep titik persamaan yang dikemukakan oleh Larson (1984) adalah tidak memadai. Hal ini demikian kerana topik dan imej adalah berkaitan dalam dimensi makna yang luas serta mempunyai perkaitan lebih kompleks. Dapatan juga mendapati wujudnya dilema dalam proses penterjemahan metafora majmuk yang mengandungi unsur budaya yang spesifik. Penterjemahan metafora mementingkan kecekapan bahasa, pengetahuan latar belakang budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran serta kecekapan penterjemah mengatasi halangan bahasa dan budaya.

Selain itu, kajian terjemahan juga telah berkembang seiring dengan perkembangan teknologi maklumat. Proses terjemahan yang bersifat rencam telah ditugaskan pada teknologi mesin bahasa. Hal ini memudahkan proses terjemahan kerana menggunakan teknologi terkini namun ketepatan terjemahan belum tentu memadai. Sebuah penelitian telah dilakukan bagi melihat perbandingan terjemahan antara terjemahan dan terjemahan mesin. Nur Faezah dan Hasnah Mohamad telah menjalankan sebuah kajian yang berjudul "*Perbandingan Terjemahan Manusia Dengan Terjemahan Mesin Dalam Buku Fitness 24/7*" pada tahun 2015.

Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati terjemahan yang menggunakan mesin *Google Translate* adalah tidak mencukupi bagi menterjemah kata, struktur ayat dan makna ayat secara keseluruhannya. Hal ini demikian kerana penggunaan mesin terjemah masih memerlukan tenaga manusia untuk menghasilkan terjemahan yang baik. Penterjemah yang baik perlu menguasai dua aspek dalam terjemahan, iaitu bahasa dan budaya. Walaupun mesin terjemahan menguasai bahasa dengan baik namun mesin tersebut tidak mampu menguasai kebudayaan secara mendalam. Penguasaan sesebuah budaya adalah melalui pembacaan, pengamatan dan pengalaman yang membolehkan penterjemah memahami makna sesebuah budaya sama ada bersifat tersurat dan tersirat.

Secara keseluruhannya, kajian lepas yang telah dilakukan dapat memberi maklumat yang diperlukan pengkaji dalam menjalankan kajian terjemahan ini. Setiap penterjemah mempunyai gaya yang tersendiri dalam menjalankan kegiatan terjemahan. Sesebuah terjemahan boleh bersifat literal atau harfiah dan perkaitan dari segi bahasa mahupun makna. Bagi penterjemahan budaya seseorang penterjemah perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang yang ingin diterjemahkannya.

2.2.1 Penterjemahan Dari Segi Bahasa

Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu meliputi kajian dalam bidang linguistik termasuklah bidang morfologi dan sintaksis. Aspek morfologi merujuk kepada bidang ilmu linguistik yang membicarakan tentang pembentukan kata bagi satu-satu bahasa, manakala aspek sintaksis pula merujuk kepada tingkat yang lebih tinggi dalam tatabahasa, iaitu pembentukan ayat dalam bahasa. Kebanyakan kajian terdahulu yang telah dilakukan adalah dari segi terjemahan kata, struktur ayat dan makna ayat keseluruhannya.

Rokiah Awang (2009) telah menjalankan sebuah kajian tentang bahasa, iaitu *“Penterjemahan Kata Nama Khas Dalam Akhbar Melayu”*. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk melihat strategi kata nama khas dalam akhbar Melayu yang berpandukan pendapat Vermeer (1969). Kajian ini meninjau konteks tanggungjawab dalam penterjemahan berita, iaitu penterjemah bertanggungjawab dalam memastikan tujuan penterjemahan dapat dicapai dan relevan dengan budaya sasaran. Hasil daripada kajian mendapati strategi dalam menterjemahkan kata nama khas dalam berita banyak menggunakan kaedah pinjaman. Kaedah lain turut digunakan dalam penterjemahan berita seperti padanan budaya, menambah keterangan dan menggugurkan kata sama ada secara pengguguran terus atau penggantian.

Selain itu, pengkaji terjemahan di negara ini yang aktif menjalankan kajian tentang penterjemahan, iaitu Goh Sang Seong telah menghasilkan sebuah kajian pada tahun 2011 yang berjudul *“Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan”*. Kajian yang dilakukan bertujuan untuk meneliti padanan kata kerja dalam terjemahan antologi cerpen bahasa Cina - bahasa Melayu yang berjudul *Cerpen Pilihan Sastera Mahua III: Dalam Hujan Renyai*. Menurut pengkaji dalam penterjemahan kata kerja bahasa Cina ke bahasa Melayu wujudnya padanan kata kerja ‘satu lawan banyak’. Hal ini secara tidak langsung menghasilkan pelbagai jenis padanan seperti terjemahan tepat, terjemahan berlebihan, terjemahan berkurangan, terjemahan salah dan terjemahan taksa. Jelaslah bahawa pemilihan sesuatu kata padanan akan ditentukan oleh makna semantik yang didukung oleh kata kerja.

Di samping itu, Chun Tai-Hyun juga telah menjalankan sebuah kajian yang berjudul *“Masalah Kala Dalam Penterjemahan Novel Saman Ke Dalam Bahasa Korea”* pada tahun 2009. Kala merujuk kategori tatabahasa sesuatu kerja yang mengungkapkan hubungan masa tindakan yang disebut dalam ayat dengan masa ujaran yang dibuat. Dalam bahasa Korea wujudnya sistem kala yang terdiri daripada kala lampau dan bukan

lampau. Hasil penelitian mendapati bahawa bentuk kata kerja dalam bahasa Korea, iaitu 'jugda' berubah mengikut sistem kala. Hal ini berbeza dengan sistem tatabahasa bahasa sumber yang dikatakan oleh pengkaji, iaitu tidak memiliki sistem kala. Oleh sebab itu, perbezaan nahu antara bahasa sasaran dengan bahasa sumber telah menimbulkan kesukaran dalam proses kerja penterjemahan novel kajian tersebut.

Aspek penterjemahan berkaitan linguistik turut disentuh oleh Haslina Haroon dan Hasuria Che Omar pada tahun 2016. Kajian yang berjudul "*Kata Bantu Ragam Dalam Terjemahan Inggeris- Melayu*" memerihalkan aspek kata bantu ragam daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Kata bantu ragam mendukung makna yang khusus dalam tatabahasa. Dalam bahasa Inggeris kata bantu ragam dikenali sebagai modus yang merujuk kepada aspek makna yang tertumpu pada kemungkinan, kebarangkalian, kemahuan, kewajipan dan larangan. Dapatan kajian mendapati bahawa adanya kekeliruan penggunaan kata bantu ragam bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana wujudnya permasalahan dari segi memahami makna kata bantu ragam tersebut menyebabkan fungsinya tidak digunakan dengan sesuai. Jelaslah bahawa dalam menterjemahkan sesuatu kata aspek makna adalah sangat penting di samping bentuk keserupaannya. Kekeliruan yang berlaku ini akan menyebabkan pemindahan makna yang kurang tepat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran.

Kesimpulannya, kajian lepas dari segi penterjemahan bahasa membincangkan aspek morfologi dan sintaksis. Aspek morfologi terdiri daripada penggolongan kata seperti kata nama, kata kerja dan kata bantu. Bagi aspek sintaksis, pengkaji lepas membincangkan masalah kala terjemahan dua bahasa yang berbeza. Hasil kajian terdahulu mendapati timbulnya kesukaran dalam menterjemah dua bahasa yang berlainan. Wujudnya perbezaan ini kerana setiap masyarakat mempunyai sistem bahasa mereka yang tersendiri, iaitu tiada persamaan penuh dengan bahasa lain.

2.2.2 Penterjemahan Budaya

Kajian lepas berkaitan unsur budaya banyak dilakukan adalah meliputi negara-negara Barat, Eropah, dan Asia. Unsur budaya yang dikaji termasuklah budaya material dan bukan material dalam sesebuah masyarakat. Budaya material merujuk kepada budaya kebendaan yang dihasilkan oleh masyarakat, manakala budaya bukan material merujuk kepada organisasi sosial melibatkan pemikiran dan tingkah laku dalam sesebuah masyarakat.

Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid telah menjalankan sebuah penyelidikan yang bertajuk “*Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea – Bahasa Melayu*” pada tahun 2016. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji melibatkan dua bahasa berbeza, iaitu bahasa Korea dan bahasa Melayu. Pengkaji melakukan penelitian ke atas budaya bukan material dalam karya antologi cerpen dengan menggabungkan tiga pendekatan budaya, iaitu pendekatan Keesing (1958), Newmark (1988) dan Katan (2012).

Hasil gabungan tiga pendekatan ini pengkaji mengklasifikasikan budaya bukan kebedaan kepada kepercayaan, peribahasa, etika dan moral, ideologi dan undang-undang. Misalnya, konsep yang merujuk kepada kepercayaan karut seperti tangkal. Peribahasa dalam bahasa Korea adalah berkaitan dengan kemanusiaan dan keadaan sosial dalam sesebuah kumpulan etnik. Unsur etika dan moral merujuk kepada nilai-nilai murni serta tabiat dalam sesebuah masyarakat. Ideologi dalam kajian ini merujuk kepada pemikiran dan falsafah misalnya dalam bidang politik. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan kepelbagaian dimensi dalam meneliti unsur bukan kebendaan.

Selain itu, kajian analisis terjemahan sastera yang berkaitan budaya turut dilakukan oleh Ratna Danyati pada tahun 2012. Beliau telah menghasilkan sebuah kajian yang berjudul “*Penerjemahan Kata-Kata Berkonsep Budaya Dalam Novel Anchee Min*

Empress Orchid'. Kajian yang dilakukan oleh beliau ini bertujuan untuk mengenalpasti kategori terjemahan budaya dan strategi kajian terjemahan dalam novel kajian. Menurut beliau kesukaran bagi penterjemah ialah menterjemah kata atau ungkapan yang mengandungi unsur sosial khas pada budaya bahasa sumber. Oleh itu, kegagalan para penterjemah untuk mengungkap kembali makna yang terkandung dalam bahasa sumber adalah kerana tidak memahami strategi terjemahan budaya.

Sehubungan dengan itu, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan sebanyak 62 kata-kata berkonsep budaya spesifik yang terdapat dalam novel kajian. Data-data kajian tersebut dikategorikan mengikut klasifikasi budaya Newmark, iaitu ekologi, kebudayaan material, kebudayaan sosial, organisasi dan kebiasaan. Peratus ketetapan terjemahan kata-kata berkonsep budaya adalah 90% tercapai. Kajian yang dilakukan turut mencapai objektif kajian, iaitu untuk menganalisis strategi terjemahan yang digunakan dalam bahan kajian. Dalam penelitian ini, pengkaji menggunakan pendekatan strategi terjemahan Mona Baker (1998) yang terdiri daripada penggantian budaya, kata pinjaman, kata pinjaman dengan penjelasan dan terjemahan ilustrasi.

Di samping itu, kajian terjemahan unsur budaya telah dilakukan oleh Khairunisah pada tahun 2008. Kajian yang dilakukan ialah "*Unsur Budaya Dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu - Bahasa Jerman Satu Analisis*" ini memfokuskan kajian unsur budaya dalam koleksi cerita-cerita jenaka. Dua bahasa berbeza berbeza digunakan dalam kajian ini, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Jerman yang terdapat dalam genre jenaka Lebai Malang dan Pak Belalang. Perbezaan bahasa yang ketara dalam kajian ini menunjukkan pandangan dan pemikiran budaya yang berbeza juga. Dapatan kajian turut memfokuskan kaedah kajian terjemahan budaya yang ditemui, iaitu pengekal, penghilangan, penyesuaian semula dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu membincangkan unsur budaya yang terdapat dalam teks sastera. Kajian tersebut menggunakan kaedah analisis kandungan, iaitu mengkaji kandungan dalam teks sastera. Pengkaji mengelompokkan unsur budaya yang terdapat dalam teks sumber dan menganalisis proses terjemahan budaya bagi dua bahasa yang berlainan. Kajian unsur budaya dalam teks sastera sering menarik minat pengkaji lepas kerana karya sastera merupakan saluran dalam menyampaikan maklumat serta pemikiran penulis.

2.2.3 Strategi Penterjemahan

Kajian-kajian terdahulu dalam bidang terjemahan juga turut membincangkan aspek strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah sesebuah karya. Nur Hafeza dan Goh Sang Seong telah menjalankan sebuah penyelidikan yang bertajuk "*Strategi Penterjemahan Nilai Dan Kepercayaan Dalam Novel Sungai Mengalir Lesu*" pada tahun 2014. Kajian ini membincangkan unsur kepercayaan dan nilai daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Strategi terjemahan yang digunakan berdasarkan pendekatan Nord, iaitu terjemahan filologikal, terjemahan sefungsional, terjemahan literal dan terjemahan homologus.

Hasil kajian yang dilakukan didapati bahawa penterjemah menggunakan strategi pendekatan dokumentari dalam menterjemah unsur nilai dan kepercayaan dalam bahasa sumber yang berkongsi medan semantik budaya yang serupa dengan bahasa sasaran. Pendekatan instrumental pula digunakan dalam terjemahan unsur nilai dan kepercayaan dalam bahasa sumber yang tidak wujud dalam bahasa sasaran. Pengkaji juga mendapati bahawa terjemahan budaya Melayu ke teks berbahasa asing merupakan kesukaran yang besar kerana wujudnya jurang budaya yang berbeza antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah perlu memahami keseluruhan teks sumber dahulu sebelum terjemahan ke bahasa sasaran dilakukan.

Selain itu, Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2014) telah menjalankan sebuah penelitian terhadap budaya masyarakat Cina. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah “*Analisis Strategi Penterjemahan Chengyu Ke Dalam Bahasa Melayu*”. *Chengyu* merupakan peribahasa Cina yang mempunyai empat aksara dan diterjemahkan ke bahasa Melayu. Pengkaji menggunakan pendekatan Larson (1984) dan mendapati bahawa pengaplikasian terjemahan dipengaruhi oleh tiga faktor, iaitu jenis *chengyu* dalam teks sumber, konteks ayat serta kesamaan dan kelainan konsep pemikiran antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran.

Strategi terjemahan yang digunakan dalam penterjemahan *chengyu* dalam kajian tersebut termasuklah terjemahan lambang, terjemahan makna, terjemahan separa, pengguguran, terjemahan pragmatik, dan terjemahan literal. Disamping strategi terjemahan yang ditekankan oleh Chen Wen Bo (2005) dua strategi terjemahan baru telah ditemui oleh pengkaji, iaitu strategi terjemahan serangkai dan padanan sejadi. Hal ini menunjukkan bahawa terjemahan budaya teks asal ke teks sasaran adalah bersifat rencam. Wujudnya jurang perbezaan yang besar antara budaya Cina dengan budaya Melayu menyebabkan terjemahan budaya sukar dilakukan.

Oleh itu, kajian lepas tentang penterjemahan turut membincangkan aspek strategi atau prosedur yang digunakan oleh penterjemah dalam memindahkan maklumat teks sumber ke teks sasaran. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh penterjemah dalam memindahkan maklumat tersebut. Hal ini bertujuan untuk menarik minat pembaca bagi teks terjemahan. Pengkaji lepas mendapati penterjemah menggunakan kaedah penterjemahan yang bersesuaian dan dikaitkan dengan strategi terjemahan yang diperkenalkan oleh pengkaji terdahulu.

2.3 Analisis Kritis Kajian Lepas

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat kajian yang signifikan dan relevans dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji mempunyai kaitan dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Oleh itu, satu analisis kritis akan dilakukan oleh pengkaji pada bahagian ini untuk melihat kelebihan dan kelompongan yang terdapat pada kajian-kajian terdahulu.

Bahasa dan budaya mempunyai hubungan yang sangat erat antara satu sama lain. Apabila membicarakan tentang sesuatu bahasa sudah pastinya akan dikaitkan dengan kebudayaannya. Hal ini demikian kerana perkaitan antara bahasa dan budaya akan mewujudkan identiti bagi sesebuah masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2014); Khairunisah (2008); Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2016) melihatkan persamaan dari segi tumpuan kajian, iaitu unsur budaya. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbeza dan menghasilkan data kajian yang berbeza. Dalam kajian unsur budaya bagi dua bahasa yang berbeza didapati bahawa pemindahan makna budaya daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran adalah sangat penting. Penggunaan padanan kata serta makna yang tepat akan menghasilkan terjemahan yang baik.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu masih kurang membicarakan tentang unsur bahasa Inggeris – bahasa Melayu dengan tumpuan menggunakan pendekatan Newmark. Kajian ini dilakukan bagi menghasilkan sebuah kajian yang menggunakan satu pendekatan yang relevans dalam bidang budaya. Hal ini demikian kerana unsur budaya yang mempunyai perbezaan besar akan menyukarkan penterjemah untuk mencapai makna sasaran yang tepat.

Secara keseluruhannya, analisis kritis adalah penting dalam sesebuah kajian kerana dapat membantu pengkaji untuk memberikan pendapat dan idea yang ingin disampaikan oleh mereka tentang kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Adalah diharapkan kajian ini akan membantu pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih baik berbanding kajian-kajian terdahulu. Kajian-kajian terdahulu menjadi panduan dan rujukan kepada pengkaji agar dapat menghasilkan sebuah kajian yang bermanfaat.

2.4 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah mengulas dengan lebih mendalam tentang kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Hasil sorotan kajian lepas didapati bahawa kajian tentang strategi penterjemahan unsur budaya dalam teks sastera bahasa Inggeris dan bahasa Melayu masih kurang dijalankan. Terjemahan budaya dalam karya merupakan perkara yang rumit bagi penterjemah. Oleh itu, diharapkan dengan adanya kajian ini dapat menjadi sumber rujukan dan secara tidak langsung menambahkan hasil terjemahan sastera budaya dalam negara ini.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang pendekatan dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian merupakan perkara yang penting dalam sesebuah kajian kerana akan diaplikasikan untuk memperoleh hasil kajian yang tepat. Metodologi penyelidikan merujuk kepada sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin.

Metodologi penyelidikan juga boleh dirujuk sebagai suatu proses pengumpulan data, pengklasifikasian data dan penganalisan data dengan menggunakan kaedah tertentu sebagai satu jalan untuk mencapai matlamat kajian (*Kamus Dewan*, 2002). Menurut Shamsul Bahri Baharudin (1992) istilah metodologi merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu '*metod*' yang berasal daripada perkataan Yunani '*methodos*' yang bererti 'mencari ilmu'. Oleh itu, jelaslah bahawa '*methodology*' merupakan gabungan daripada perkataan '*methodos*' dan '*logos*' daripada bahasa Yunani yang bermaksud "sains mencari ilmu".


3.2 Kerangka Teori

Setiap kajian yang dilakukan oleh seseorang pengkaji mestilah mempunyai pendekatan atau teori yang menjadi panduan kepada kajian yang dilakukan. Pendekatan ini amat penting kerana unsur ini menjadi tulang belakang kepada sesebuah kajian. Pendekatan kajian juga berfungsi memudahkan pengkaji melakukan kajian dengan berlandaskan pegangan tertentu. Begitu juga dengan kajian ini, pengkaji juga mempunyai pendekatan yang dipegang supaya kajian yang dilakukan ini tidak terpesong daripada matlamat atau

objektif utama kajian. Oleh itu, kerangka teori dalam kajian ini meliputi teori yang digunakan dalam pendekatan terjemahan budaya dan prosedur terjemahan budaya.

3.2.1 Kerangka Pendekatan Unsur Budaya

Pemilihan pendekatan terjemahan merupakan sesuatu perkara yang amat penting dalam kajian penterjemahan. Kajian yang dilakukan ini bertunjangkan pendekatan yang diperkenalkan oleh Newmark (1988) dalam bukunya "*A book of Translation*". Berdasarkan pendekatan tersebut Newmark telah mengkategorikan budaya kepada lima bahagian seperti berikut:



Rajah 3.1: Klasifikasi Budaya Terjemahan (Newmark, 1988)

Berdasarkan rajah 3.1 budaya ekologi kebiasaannya dikaitkan dengan geografi dan persekitaran sesebuah kawasan itu. Ciri-ciri geografi boleh dibezakan dari segi budaya lain yang lazimnya bebas daripada nilai politik dan perdagangan. Misalnya flora, fauna, angin, iklim, bukit-bukau dan sebagainya. Jelaslah bahawa budaya ekologi merujuk kepada unsur tempatan, iaitu bentuk muka bumi sesuatu kawasan. Terjemahan berunsurkan budaya ekologi khususnya dalam bentuk kiasan menyebabkan kesukaran untuk difahami jika jarang atau tidak diketahui konsepnya.

Budaya material atau kebendaan merujuk kepada artifak, iaitu benda yang dihasilkan oleh manusia. Budaya material meliputi makanan, pakaian, rumah dan bandar, dan pengangkutan yang dicipta oleh manusia. Misalnya, konsep makanan adalah ungkapan yang paling penting dan sensitif dalam budaya kebangsaan. Hal ini demikian kerana, istilah makanan dalam sesebuah negara adalah melambangkan identiti dan budaya negara tersebut. Begitu juga dengan pakaian yang digunakan dalam iklim tertentu dan rumah serta kenderaan yang digunakan adalah melambangkan budaya mereka. Jelaslah bahawa bentuk dan corak budaya material sesebuah budaya membezakan dengan budaya negara lain.

Dalam pertimbangan budaya sosial penterjemah perlu tahu membezakan masalah denotatif dan konotatif dalam penterjemahan. Hal ini demikian kerana setiap ayat yang diujarkan dalam bahasa sumber mempunyai nilai makna tersendiri, iaitu sama ada bersifat langsung dan tidak langsung. Dalam menterjemahkan budaya sosial penterjemah harus meneliti konsep yang digunakan bahasa sumber agar makna yang disampaikan secara tersirat dapat difahami pembaca.

Begitu juga dengan organisasi sosial, politik dan pentadbiran yang meliputi adat resam, terma sejarah, keagamaan, antarabangsa dan artistik. Maklumat yang lengkap dan terperinci diperlukan oleh penterjemah agar sesebuah konsep itu dapat disampaikan dengan sempurna. Gerak isyarat dan tabiat pula merupakan satu tindakan yang membawa simbolik kepada seseutau perkara. setiap masyarakat mempunyai gerak laku yang berbeza yang mendukung makna dan fungsi dan tertentu. Oleh itu, penterjemah perlu memahami gerak isyarat sesebuah budaya untuk mengelakkan kesilapan maksud dalam terjemahan.

3.2.2: Kerangka Pendekatan Strategi Penterjemahan

Strategi penterjemahan merupakan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini bagi mencapai objektif kedua kajian, iaitu untuk menganalisis strategi penterjemahan budaya terhadap teks bahasa sumber dengan teks bahasa sasaran. Strategi terjemahan merangkumi kaedah, prosedur dan proses-proses yang digunakan dalam aktiviti terjemahan. Pengkaji menggunakan prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1988) bagi kajian ini. Menurut beliau prosedur terjemahan dibahagikan kepada neutralisasi, persamaan budaya, pemindahan, terjemahan literal, terjemahan label, naturalisasi, pengguguran, parafrasa, nota, maklumat tambahan dan glos, kuplet, dan sinonim. Prosedur terjemahan dihuraikan konsepnya seperti rajah berikut:

PROSEDUR TERJEMAHAN

- Neutralisasi: Proses ini merangkumi dua pendekatan, iaitu ‘persamaan fungsian’ dan ‘persamaan deskriptif’. Generalisasi kata dalam terjemahan bahasa sumber dilakukan apabila wujudnya persamaan fungsian. Pendekatan deskriptif merujuk kepada terjemahan yang berbentuk huraian.
- Persamaan budaya: Perkataan dalam budaya bahasa sumber digantikan dengan perkataan budaya bahasa sasaran.
- Pemindahan: Strategi ini merujuk kepada proses pemindahan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran yang merangkumi proses transliterasi (bentuk huruf kepada huruf lain).
- Terjemahan literal: Terjemahan literal melibatkan semua tahap bahasa, iaitu perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat.
- Terjemahan label: Merupakan terjemahan sementara yang digunakan dalam menterjemahkan sesebuah institusi dengan menggunakan tanda petikan.
- Naturalisasi: Proses naturalisasi melibatkan proses penyesuaian dimana perkataan bahasa sumber akan dimodifikasikan mengikut sistem morfologi

bahasa sasaran.

- Pengguguran: Perkataan dalam bahasa sumber akan dilenyapkan dalam teks bahasa sasaran (misalnya metafora).
- Parafrasa: Parafrasa merujuk kepada proses penerangan tentang makna yang dimaksudkan dalam teks sumber. Prosedur ini digunakan apabila maksud yang ingin disampaikan dalam teks sumber adalah kurang jelas.
- Nota, maklumat tambahan dan glos: Catatan tambahan dilakukan bagi memberi penjelasan dengan lebih mendalam. Bentuk catatan ini boleh terdapat dalam teks, bahagian bawah halaman, bahagian akhir bab atau bahagian akhir buku.
- Kuplet: Proses ini melibatkan penggabungan beberapa prosedur terjemah bagi menterjemahkan perkataan bahasa sumber.
- Sinonim: Penterjemahan dengan menggunakan padanan perkataan bahasa sasaran yang se hampir mungkin.

Rajah 3.2: Prosedur Terjemahan Budaya (Newmark, 1988)

3.3 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini melibatkan satu kaedah kajian sahaja, iaitu kaedah kualitatif. Kaedah kajian kualitatif dipilih kerana kesesuaiannya yang mampu menganalisis dan menghuraikan data kajian dengan lebih mendalam. Pendekatan kualitatif merupakan kaedah analisis dan penghuraian data yang diperoleh berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Penghuraian data dalam kajian ini adalah dilakukan dengan melihat unsur budaya dan prosedur dalam terjemahan. Unsur budaya terjemahan dianalisis berdasarkan data atau maklumat yang diperoleh daripada karya novel yang dikaji. Kaedah ini dilihat sangat sesuai dan selari dengan objektif utama pengkaji, iaitu

memberi penjelasan tentang unsur budaya dan proses terjemahan berdasarkan novel kajian

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Menurut Mahsun (2005), terdapat dua jenis kaedah penyelidikan, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kaedah kepustakaan merupakan cara bagi mendapatkan maklumat awal berkaitan tajuk, kosa ilmu, konsep, teori, pendekatan dan istilah. Penyelidikan perpustakaan merupakan teknik bagi seseorang penyelidik memperoleh data dan bukti sedia ada menerusi kajian terhadap dokumen dan rekod (Mohd Sheffie 1987).

Menurut Mouly (1970), penyelidikan perpustakaan dianggap paling berkesan dan salah satu bahan yang bersifat formal. Hal ini demikian kerana maklumat-maklumat yang diperoleh adalah melalui buku, jurnal, kertas seminar, latihan ilmiah dan sebagainya. Oleh itu, bahan yang diperoleh adalah tepat serta benar kesahihannya kerana telah menjadi bahan ilmiah. Melalui kaedah penyelidikan perpustakaan, pengkaji juga dapat menambah maklumat baru terhadap maklumat yang sedia ada.

Kajian perpustakaan merupakan sumber yang penting kepada pengkaji untuk memperoleh sesuatu maklumat. Kaedah ini juga merupakan kaedah bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat serta kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Melalui kajian perpustakaan pengkaji dapat memperoleh maklumat-maklumat yang berkaitan dengan konsep, kosa ilmu, pendapat serta data daripada kajian lepas. Kajian ini amat penting bagi pengkaji bagi memastikan tidak ada pertindihan maklumat dan data yang diperoleh adalah tepat dan sah.

Maklumat berkaitan kajian yang ingin diteliti akan diperoleh melalui aktiviti pembacaan. Pengkaji akan merujuk sebarang rujukan yang difikir perlu dan menepati tajuk kajian. Misalnya dalam buku, akhbar, dokumentasi, jurnal dan lain-lain. Kajian perpustakaan merupakan data sekunder dan merupakan langkah pertama bagi pengkaji memperoleh maklumat berkaitan tajuk kajian. Selain itu, dapat juga dijadikan panduan kepada pengkaji sekiranya ketandusan idea dalam menjalankan penyelidikan.

Pengkaji turut merujuk kepada kamus dan ensiklopedia sama ada dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris bagi memperoleh definisi dan huraian berkaitan istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah *Kamus Dwibahasa* (Bahasa Inggeris- Bahasa Melayu), *Kamus Dewan*, *Kamus Sinonim*, *Tesaurus*, *Google Translate* dan sebagainya. Penggunaan kamus ini memudahkan pengkaji mengumpulkan makna atau konsep sesuatu perkataan yang dijadikan sebagai data kajian.

3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Untuk proses pengumpulan data, pengkaji akan bermula dengan membaca karya teks sumber pengkaji akan memberikan perhatian kepada perkataan dan frasa yang mengandungi unsur budaya sahaja. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji akan menggunakan beberapa teknik yang bersesuaian dengan kaedah kajian. Antaranya ialah teknik pembacaan, semakan, lanjutan dan catatan.

3.3.2.1 Teknik Pembacaan

Sebelum sesuatu data diambil daripada novel, proses pembacaan akan dilakukan terlebih dahulu. Pengkaji perlu membaca dan memahami maklumat yang terkandung dalam keseluruhan novel berkenaan yang mengandungi empat belas bab.

3.3.2.2 Teknik Semakan

Teknik semak adalah digunakan selepas teknik pembacaan yang menggunakan kaedah penyadapan. Secara tidak langsung pengkaji berusaha menyadap segala data yang diperlukan. Kegiatan mengutip data dilakukan pada sumber teks, iaitu novel terjemahan.

3.3.2.3 Teknik Lanjutan

Teknik lanjutan merupakan teknik tambahan yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan. Teknik ini digunakan bertujuan untuk memudahkan pengkaji dalam memperoleh hasil kajian. Untuk teknik lanjutan, pengkaji menggariskan maklumat yang berkaitan unsur budaya yang terdapat dalam novel kajian. *Kamus Dewan Edisi Keempat* dan *Kamus Oxford Bahasa Melayu- Bahasa Inggeris* digunakan sebagai rujukan utama untuk mendapatkan makna bagi satu-satu perkataan.

3.3.2.4 Teknik Catatan

Teknik catat ialah teknik yang digunakan untuk mengambil data yang dikehendaki untuk memperlihatkan seberapa banyak terjemahan unsur budaya yang terdapat dalam novel kajian. Data yang diperoleh akan direkodkan dan disenaraikan berdasarkan bab dan disusun mengikut tertib kehadirannya dalam teks sumber tersebut. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji mendapatkan padanannya dalam teks terjemah.

3.3.3 Kaedah Penganalisan Data

Proses penganalisan data dimulakan setelah kesemua data telah dikumpul dan disenaraikan. Dalam proses ini pengkaji akan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data-data yang telah dikumpulkan.

3.3.3.1 Kaedah Analisis Kandungan

Menurut Neuman (1991), analisis kandungan adalah '*a technique for gathering and analyzing the content of text...*', manakala, Berelson (1952) pula mendefinisikan analisis kandungan sebagai kaedah kajian untuk menggambarkan secara objektif, sistematik dan kuantitatif kandungan yang tersurat dalam sesuatu komunikasi. Umumnya, analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak (seperti novel, jurnal, majalah dan sebagainya) dan juga media elektronik (seperti filem, drama, rancangan radio dan sebagainya). Analisis kandungan boleh digunakan dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah politik, sosial, pengurusan, pendidikan dan Pengajian Islam. Analisis kandungan bertujuan meneroka tema dan persoalan dengan menggunakan analisis bukan manusia, iaitu kajian terhadap perkataan.

Melalui kaedah analisis kandungan, makna dan hubungan perkataan atau konsep tertentu akan dinilai dan dianalisis kewujudannya sebelum suatu jangkakan pada mesej dalam teks, penulis, khalayak, budaya dan waktu. Kesemua elemen ini merupakan faktor yang akan melalui proses penilaian dan penganalisan. Secara umumnya, konsep 'teks' ditafsirkan sebagai buku-buku, himpunan bab, temu ramah, perbincangan dan sebagainya. Teks yang boleh digunakan tidak terhad kepada bahan sastera sahaja tetapi termasuklah kajian empirikal dan dokumen rasmi. Teks tulisan sememangnya mempunyai maklumat yang tersusun yang ingin disampaikan kepada pembaca.

Teknik yang akan digunakan dalam kaedah analisis kandungan terdiri daripada dua, iaitu teknik semakan dan teknik pengcatatan. Teknik semakan merupakan satu teknik yang digunakan oleh pengkaji yang menjalankan kajian terhadap teks-teks seperti novel, akhbar, makalah dan sebagainya. Pengkaji akan menyemak dan meneliti teks-teks tersebut melalui pembacaan. Seterusnya pengkaji akan mencatat segala maklumat yang berkaitan tajuk penyelidikan pengkaji yang terdapat dalam teks tersebut. Penggunaan

kedua-dua teknik ini memudahkan pengkaji untuk memperolehi maklumat atau data yang berkaitan dengan kajian.

Tambahan pula, sekiranya sesuatu pengkajian menggunakan kaedah ini, penganalisisan data secara sistematik dari novel, media massa, dokumen dan buku-buku komik dapat dijalankan. Kaedah analisis kandungan merupakan salah satu kaedah analisis data yang lebih baik jika dibandingkan dengan kaedah pemerhatian. Selain itu, kaedah ini juga merupakan satu teknik sistematik bagi menyukat struktur dan isi kandungan sumber-sumber atau tulisan. Jelaslah bahawa analisis kandungan merupakan satu teknik yang boleh digunakan dalam menganalisis dan menilai sesuatu teks sama ada dalam media cetak atau media elektronik.

3.4 Rumusan

Kesimpulannya, kaedah-kaedah yang digunakan ini akan memudahkan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Penerangan pada bab ini meliputi cara kajian, teori dan pendekatan kajian dan kaedah analisis data. Kaedah-kaedah ini membantu pengkaji untuk meneruskan kajian ini pada bahagian yang seterusnya, iaitu bab yang akan memaparkan data kajian secara keseluruhannya. Adalah diharapkan kaedah-kaedah yang telah diterangkan dapat membantu dan memberikan hasil kajian yang baik dalam mencapai objektif kajian.

BAB 4: KLASIFIKASI UNSUR BUDAYA PENTERJEMAHAN BAHASA INGGERIS – BAHASA MELAYU

4.1 Pendahuluan

Bab ini memaparkan data-data yang diperolehi dalam bahan kajian serta mempunyai kaitan dengan unsur budaya dalam terjemahan. Data-data yang peroleh ini dianalisis menggunakan teori Newmark (1988) yang membincangkan tentang terjemahan budaya. Dalam bab ini data-data dikaji bagi memenuhi objektif utama kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, klasifikasi unsur budaya dalam teks sumber dan teks terjemahan dihuraikan secara terperinci berdasarkan kumpulan ekologi, budaya material, budaya sosial, organisasi sosial dan gerak isyarat serta tabiat. Seterusnya data tersebut dianalisis untuk mencapai objektif kedua, iaitu prosedur terjemahan yang digunakan dalam teks terjemahan.

4.2 Klasifikasi Penterjemahan Budaya Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu

Budaya dan bahasa merupakan satu hubungan yang berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan. Apabila kita berbahas tentang bahasa secara tidak langsung akan mengaitkannya dengan budaya, begitu juga apabila kita bercakap tentang budaya pasti akan dikaitkan dengan bahasanya. Bahasa merupakan satu unsur yang merakamkan budaya sesebuah tempat. Setiap negara mempunyai budaya yang berbeza-beza walaupun bahasanya diklasifikasikan dalam kelompok bahasa yang sama. Misalnya bahasa Inggeris dan bahasa Hindi yang berasal daripada rumpun bahasa yang sama namun memiliki ciri-ciri budaya yang berbeza. Hal ini demikian kerana pemikiran individu terhadap sesuatu perkara itu adalah berbeza yang menjadikannya sebagai budaya yang berlainan.

Secara umumnya, penterjemahan budaya melibatkan dua bahasa yang berbeza. Proses terjemahan merupakan satu proses yang sukar dan rumit kerana pemindahan maklumat daripada teks sumber ke teks terjemahan perlulah tepat dari segi bentuk dan maknanya. Hal ini demikian kerana proses pemindahan tersebut bukan sahaja melibatkan dua bahasa tetapi turut melibatkan mesej budaya yang ingin disampaikan oleh penterjemah. Newmark (1989) menyatakan bahawa perkataan budaya mudah dikenalpasti kerana hubungannya dengan bahasa itu tetapi tidak boleh diterjemahkan secara literal. Perkara ini menunjukkan bahawa pemindahan maklumat budaya yang melibatkan dua bahasa adalah rumit.

Penelitian unsur budaya dalam terjemahan yang ingin dikaji oleh pengkaji melibatkan dua bahasa yang berbeza, iaitu teks sumber bahasa Inggeris dan teks terjemahan bahasa Melayu. Kedua-dua bahasa ini berasal daripada rumpun yang berbeza, iaitu bahasa Inggeris berasal daripada rumpun bahasa Anglik atau rumpun bahasa Jermanik Insuler manakala bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia. Terdapat beberapa perbezaan dalam kedua-dua bahasa ini iaitu dari segi tatabahasa dan juga budayanya. Misalnya, terjemahan unsur kiasan yang terdapat dalam teks sumber sukar diterjemahkan sekiranya penterjemah menggunakan terjemahan perkataan demi perkataan sahaja. Hal ini boleh menyebabkan makna bahasa kiasan dalam teks sumber tidak dapat disampaikan dengan tepat kepada pembaca dalam teks terjemahan.

Kebanyakan istilah Inggeris mengandungi unsur budaya daripada alam Inggeris yang tidak mempunyai perkaitan dengan budaya Melayu. Perbezaan budaya menyebabkan penterjemah perlu memastikan keaslian teks sumber dari segi ketetapan bentuk dan makna. Penterjemahan istilah yang mempunyai latar belakang unsur budaya boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah seperti pengejalan, penghilangan dan penyusunan semula (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 2008). Unsur sesuatu budaya

boleh dikekalkan sekiranya masyarakat sudah mempunyai pengetahuan terhadap perkara tersebut. Selain itu, sesuatu unsur budaya boleh dihilangkan dan digantikan dengan perkataan bagi menerangkan maknanya yang sebenar. Sesuatu istilah dalam bahasa Inggeris disesuaikan dan dipadankan dengan perkataan dalam bahasa Melayu sekiranya mempunyai ciri-ciri makna yang hampir sama.

4.3 Ekologi

Secara umumnya, ekologi adalah bidang yang mengkaji hubungan kehidupan serta interaksi antara organisma dengan persekitaran dan dalam kalangan organisma itu sendiri. Perkataan ekologi berasal daripada bahasa Greek, iaitu *oikos* yang bermaksud “rumah” dan *logos* bermaksud “sains”. Alam sekeliling yang dimaksudkan merangkumi benda hidup dan benda bukan hidup. Benda hidup dalam ekologi meliputi haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang merupakan organisma, manakala benda bukan hidup adalah sesuatu yang tidak bernyawa seperti iklim dan geologi. Oleh itu, ekologi dalam kajian ini merujuk kepada keadaan muka bumi, kehidupan flora dan fauna dan iklim.

Berdasarkan struktur geografi California, sekitar 45% daripada jumlah permukaan kawasan dilindungi oleh hutan dan kepelbagaian spesis. Hal ini menunjukkan bahawa California merupakan sebuah negeri di Amerika Syarikat yang mengandungi lebih banyak kawasan hutan selain Alaska. Bentuk muka bumi di California meliputi bukit dan gunung yang merupakan tempat tinggal habitat. Permukaan kawasan yang dilindungi hutan tebal ini menunjukkan perbezaan antara budaya Inggeris dengan budaya Melayu. Bukan sahaja itu malah sebahagian besar sungai di California dibenamkan sebagai sebahagian daripada dua projek yang menyediakan air ke lembah pusat pertanian dan mengalihkan air dari utara ke selatan California. Sungai dan parit pengairan merupakan punca air utama dalam kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana, sungai dan parit mempunyai fungsi yang sangat penting kepada masyarakat.

Fungsi sungai dan parit adalah untuk menyalurkan sumber air kepada tanaman dan kegunaan harian bagi masyarakat. Budaya Inggeris ini menunjukkan bahawa sungai merupakan sistem pengairan yang menyediakan air ke tempat-tempat pertanian. Klasifikasi budaya ekologi bagi kategori muka bumi seperti dalam jadual 4.1 berikut:

Jadual 4.1: Muka Bumi

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE1	<i>...who had sat by the campfire in the jungle. (pg 107)</i>	orang yang berwajah cengkung yang pernah dijumpai dekat unggun api di perkehmahan dalam hutan pinus dulu.
UBE2	<i>... and then there's a bunch jungled up by the river. (pg53)</i>	... dan kumpulan satu lagi berkhemah di hutan dekat dengan sungai .
UBE3	<i>... turned off the road and crossed a deep irrigation ditch,...</i>	... keluar dari jalan itu dan menyeberangi sebatang parit pengairan yang agak dalam,...

Selain itu, iklim atau keadaan cuaca yang merujuk kepada budaya Inggeris adalah berbeza dengan budaya Melayu. Di Barat khususnya yang beriklim sederhana mempunyai empat musim yang berbeza dan silih berganti. Antaranya musim sejuk, musim panas, musim luruh dan musim bunga. Hal ini berbeza dengan iklim budaya Melayu yang berkeadaan lembap dan panas sepanjang tahun. Budaya atau masyarakat Melayu tidak mengalami cuaca empat musim yang berlaku pada negara-negara lain. Oleh hal yang demikian budaya Melayu hanya mempunyai pengetahuan terhadap perkara tersebut bukan melalui pengamatan.

Berdasarkan data yang diperoleh pengkaji mendapati dua musim yang terdapat dalam novel tersebut ialah musim bunga dan musim gugur. Musim luruh atau musim gugur merupakan salah satu daripada empat musim di daerah beriklim sederhana. Musim gugur adalah peralihan daripada musim panas ke musim sejuk. Pada musim ini kebanyakan tumbuhan dan pohon-pohon akan berguguran ke tanah. Musim bunga adalah peralihan daripada musim sejuk kepada musim panas. Kebanyakan pokok berbunga akan mengeluarkan bunga pada musim ini. Paksi bumi akan menghala ke arah matahari dan berlakunya waktu siang dengan lebih cepat. Keadaan iklim di California juga adalah bergantung kepada faktor muka bumi negara tersebut. Pengkaji mendapati wujudnya cuaca yang berkabus dan berangin kencang di kawasan tersebut kerana dikelilingi oleh bukit dan gunung. Data kajian berkaitan klasifikasi unsur budaya ekologi bagi kategori iklim adalah seperti berikut:

Jadual 4.2: Iklim

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE4	<i>...we'd have the the whole district organized by spring.</i>	...kita akan dapat menyatukan buruh miskin di seluruh daerah itu menjelang musim bunga .”
UBE5	<i>Frost was in the wind, and between the gusts the curious stillness of autumn.</i>	Tiupan angin terasa dingin dan terasa keanehan suasana musim gugur ...
UBE6	<i>The light mist fell.</i>	Kabus dan embun semakin menipis.

Unsur ekologi flora merujuk kepada tumbuh-tumbuhan seperti pohon-pohon dan bunga-bunga yang tumbuh di sesuatu kawasan. Perkataan flora berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud dewi tumbuhan, bunga dan kesuburan dalam mitologi

Rom. Kawasan yang mempunyai tanah yang subur akan menghasilkan tumbuh-tumbuhan yang subur dan mekar. Istilah tumbuh-tumbuhan setiap budaya adalah berbeza kerana tidak semua budaya akan mempunyai tumbuh-tumbuhan yang sama. Hal ini demikian kerana berkait dengan bentuk geografi sesebuah kawasan negara budaya. Salah satu yang boleh dibanggakan oleh California ialah mereka mempunyai kumpulan pokok yang besar, tinggi dan tertua. Klasifikasi unsur budaya ekologi kategori flora ditunjukkan seperti dalam jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.3: Flora

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE7	<i>The maples were beginning to drop leaves on the path.</i>	Dedaun pohon maple di pinggir jalan di sekitar lapangan itu mulai berguguran dan berserakan di jalan.
UBE8	<i>... hidden behind a row of young eucalyptus trees.</i>	... terlindung oleh barisan pohon kayu putih yang masih muda.
UBE9	<i>Ferns and green live oaks grew on the steep sides of the right-of-way.</i>	Pohon pakis dan pohon kayu oak yang subur menghijau, menyelimuti lereng bukit yang curam.
UBE10	<i>... geraniums grew...</i>	...tumbuh pohon-pohon bunga geranium ...
UBE11	<i>... a Virginia creeper...</i>	...ditanam pokok jalar Virginia ...
UBE12	<i>... by big, dark apple trees..</i>	... pohon-pohon epal yang besar dan subur...

Dalam jadual 4.3, data menunjukkan pelbagai jenis flora yang tumbuh subur di kawasan Barat, iaitu *maples*, *eucalyptus trees*, *ferns*, *oaks*, *geraniums*, *Virginia and apple trees*. Istilah '*pohon maple*' atau dikenali juga sebagai *acer* meliputi 128 spesies dan kebanyakannya berasal dari Asia, serta beberapa juga di Eropah, Afrika Utara dan Amerika Utara. Pohon maple ini tumbuh di sepanjang jalan, iaitu kawasan yang mempunyai iklim empat musim. Pada awalnya pohon epal diperkenalkan di Amerika Utara pada abad ke-17 oleh pihak penjajah. Pohon epal merujuk sejenis pokok yang berbuah dan manis. Pohon epal mempunyai struktur yang bersifat rendang dan masyarakat Barat sering beriadah di bawah pohon epal. Berdasarkan hasil kajian, pohon epal tumbuh subur di California dan dijadikan sebagai perusahaan perdagangan oleh masyarakat Inggeris. Ekologi flora bunga-bunga juga turut mencerminkan budaya masyarakat Inggeris. Pelbagai jenis bunga yang tumbuh segar di California misalnya, pohon *Geranium* dan pohon *Virginia*. Jelaslah, pohon-pohon ini hanya tumbuh segar di California. Oleh itu, flora ini merupakan salah satu budaya Inggeris kerana hanya mereka sahaja mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang perkara itu.

Kehidupan mamalia di California terdiri daripada haiwan-haiwan yang tinggal di dalam hutan dan juga di padang pasir. Mamalia seperti anjing, kucing, burung dan sebagainya merupakan pelindung California semasa zon Sonoran yang lebih rendah. Selain itu, mamalia seperti anjing, burung, rusa hidup semasa zon peralihan di California. Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan mamalia di California bergantung pada keadaan musim di sana. Hasil data berkaitan klasifikasi ekologi kategori fauna adalah seperti dalam jadual 4.4 berikut:

Jadual 4.4: Fauna

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE13	<i>...short jacket of rabbit's fur...</i>	... sehelai kot yang dibuat daripada kulit arnab .
UBE14	<i>...like a monkey.</i>	... tangkas seperti seekor monyet .
UBE15	<i>Tame mallards nuzzled the mud in the overflow under the tank.</i>	Beberapa ekor burung belibis yang kelihatan jinak...
UBE16	<i>A barn-owl, screeching overhead with a ripping sound</i>	Seekor burung pungguk yang terbang menggeleper di atas mereka...
UBE17	<i>“look a’ them dogs,” he said. “best pointers in the valley”.</i>	“lihat kedua ekor anjing itu, anjing pemburu terbaik di lembah ini. ...” (ms 154)
UBE18	<i>I killed the three cats on the way here from Radcliffe.</i>	Dalam perjalanan ke mari dari Radcliffe dulu saya melanggar tiga ekor kucing hingga mati. (ms 105)
UBE19	Wild ducks.	Itik liar.

4.4 Budaya Material

Budaya material dikenali juga sebagai budaya kebendaan merujuk kepada barang-barang kebendaan yang digunakan dalam sesebuah masyarakat bagi menggambarkan budaya masyarakat tersebut. Setiap masyarakat budaya mempunyai budaya kebendaan mereka tersendiri. Hal ini demikian kerana masyarakat akan menghasilkan barang-barang untuk kegunaan harian mereka. Seterusnya material tersebut menjadi lambang identiti bagi budaya tersebut. Budaya kebendaan termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, peralatan dan sebagainya.

Pakaian sebagai budaya diterjemahkan secara efisien kepada umum. Hasil kajian dalam novel tersebut mendapati bahawa pakaian di negara Barat bukan sahaja berfungsi bagi menutupi tubuh badan malahan pakaian juga digunakan pada keadaan cuaca yang berbeza. Hal ini demikian membezakan budaya Inggeris dengan budaya Melayu. Dalam data yang diperoleh, pakaian yang digunakan oleh masyarakat Barat adalah berdasarkan keadaan iklim yang terdiri daripada empat musim. Hal ini dapat dilihat dalam jadual 4.5 yang menunjukkan jenis-jenis pakaian dalam masyarakat yang melambangkan budaya Inggeris .

Jadual 4.5: Pakaian

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM1	<i>He wore a dark suit and a grey flannel shirt, open at the throat.</i>	Dia memakai kot berwarna hitam dan baju flannel kelabu yang terbuka di bahagian lehernya.
UBM2	<i>Dakin had put on a short denim jacket and tweed cap.</i>	Dakin memakai jaket denim yang pendek dan topi bulu .
UBM3	<i>The checker at the loading station wore a sheepskin coat,...</i>	Pengawas yang bertugas di tempat pemunggaan itu memakai baju dari kulit domba ...
UBM4	<i>He had on a clean blue shirt, and his oil soiled blue jeans.</i>	Dia memakai baju biru dan bersih., tetapi seluarnya masih tetap seluar jean yang telah dikotori minyak.
UBM5	<i>“... in washed white corduroys,...”</i>	“...memakai seluar dan jaket corduroy putih bersih...”

Keadaan cuaca dalam novel tersebut kebanyakannya berlatarkan cuaca musim luruh dan musim bunga yang masih wujud rasa kedinginan. Oleh hal yang demikian masyarakat Barat gemar menyarungkan pakaian yang lebih kasual seperti baju *flannel*, jaket denim dan seluar jean. Pada musim sejuk masyarakat Barat menggunakan topi bulu di kepala serta pakaian yang tebal bagi melindungi anggota badan daripada kesejukan. Jenis pakaian yang digunakan oleh masyarakat Barat ini melambangkan identiti masyarakat Barat. Hal ini berbeza dengan masyarakat Melayu yang tidak menggunakan jaket atau baju yang tebal kerana keadaan cuaca yang panas dan hujan sepanjang tahun. Jelaslah bahawa pakaian yang melambangkan budaya Barat adalah didasari oleh keadaan cuaca yang bermusim-musim.

Makanan mempunyai nilai yang penting dan sensitif dalam budaya tempatan. Istilah-istilah makanan adalah subjek yang merujuk kepada kepelbagaian dalam prosedur terjemahan. Dalam prinsip terjemahan makanan biasanya istilah makanan diterjemahkan dengan mempunyai unsur perkataan yang serupa mahupun naturalisasi perkataan tersebut. Di Barat, istilah makanan akan diterjemahkan secara satu lawan satu atau pengekalan istilah makanan tersebut. Terjemahan istilah makanan dapat dilihat dalam jadual 4.6 berikut:

Jadual 4.6: Makanan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM6	<i>Mac filled the plates with corned beef and carrots and potatoes and raw sliced onions.</i>	Mac mengisi pinggan dengan cornedbeef , lobak merah , kentang dan irisan bawang mentah .
UBM7	<i>“Pie and coffee guys,” Mac said.</i>	Pelanggan-pelanggan itu biasanya hanya datang untuk minum kopi dan makan kuih .”

UBM8	<i>Here's lunch, French bread and some sliced ham.</i>	Roti Perancis dan beberapa potong daging .
UBM9	<i>... black, ugly coffee in Jim's hand.</i>	Kopi hitam yang segera diberikannya kepada Jim.
UBM10	<i>We're going to have rolled oats, straight, for breakfast...</i>	... kita akan mendapat bahagian kuih dadar biji gandum untuk sarapan...
UBM11	<i>"not bringing in liquor to sell?"</i>	"tak ada arak untuk dijual?"

Berdasarkan jadual 4.6, dapat dilihat bahawa istilah makanan melambangkan ciri-ciri budaya Barat. Konsep makanan budaya Inggeris dipengaruhi oleh alam semulajadinya. Antara makanan yang melambangkan budaya Barat ialah *ham*, *coffee*, *pie*, *oat* dan *cornedbeff*. Istilah makanan tersebut memperlihatkan jurang budaya yang besar antara budaya Inggeris dan budaya Melayu. Begitu juga dengan minuman yang melambangkan budaya mereka seperti *arak* yang diperbuat daripada buah anggur. Budaya Melayu juga mempunyai minuman yang memabukkan seperti air *tuak*. Walau bagaimanapun, kedua-dua minuman ini adalah berbeza bahan dalam penghasilannya. Hal ini kerana budaya Melayu tidak mempunyai pohon-pohon anggur berbanding budaya Barat.

Peralatan merupakan barang-barang buatan manusia yang mempunyai fungsi dalam penggunaannya. Peralatan dicipta oleh manusia bagi memudahkan dan memberi keselesaan kepada mereka. Pembuatan sesebuah perlatan boleh berbentuk tajam dan bukan tajam. Bentuk-bentuk peralatan yang dicipta oleh masyarakat budaya Inggeris adalah berbeza dengan budaya Melayu. Hal ini demikian kerana seni ukiran yang terdapat dalam kedua-dua budaya adalah berbeza. Klasifikasi unsur budaya material bagi kumpulan peralatan adalah seperti berikut:

Jadual 4.7: Peralatan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM12	<i>... bare office containing desk, a metal filing cabinet, an army coat and two straight chairs.</i>	Pejabat itu kelihatan hampir kosong, hanya terdapat sebuah meja tulis , sebuah peti besi untuk menyimpan fail, sebuah katil tentera dan dua buah kerusi yang tegak penyandarannya.
UBM13	<i>“Her al was sixteen axe-handles across,”he said.</i>	“Semua itu hanyalah enam belas batang kapak besar. ” Katanya.
UBM14	<i>Even Indians had bows an’ arrow.</i>	Orang <i>Indian</i> pun lebih baik keadaannya daripada kita , kerana sekurang-kurangnya mempunyai busar dan panah.
UBM15	<i>Al lay on a cot by the stove.</i>	... berbaring di atas sebuah ranjang dekat dapur.

Pengangkutan adalah sebahagian daripada budaya yang menghubungkan sesuatu kawasan dengan kawasan yang lain. Pada zaman 1930-an sistem pengangkutan meliputi jalan darat, landasan kereta api dan penggunaan kuda sebagai pengangkutan. Seiring dengan kemajuan sistem pengangkutan di California berkembang dan terdiri daripada pengangkutan udara, darat dan laut. Pengangkutan darat di California yang mempunyai lebuh raya merupakan jalan yang paling sesak di Amerika Syarikat selain Alaska. Sistem pengangkutan yang melambangkan budaya Barat seperti motorsikal, kereta, kereta api, dan sebagainya mempunyai reka bentuk yang berbeza. Misalnya, kenderaan kereta di Barat kedudukan pemandu adalah di sebelah kiri berbanding budaya Melayu kedudukan pemandu di sebelah kanan. Klasifikasi budaya material dari segi pengangkutan dapat dilihat dalam jadual 4.8 seperti berikut:

Jadual 4.8: Pengangkutan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM16	<i>Hardly had they begun to assemble when five motorcycle police rode up...</i>	Baru sahaja mereka berkumpul di sana lima buah motosikal yang masing-masing ditunggangi oleh seorang anggota polis, datang menghampiri...
UBM17	<i>We can make a stretcher out of pair of coats.</i>	Kita dapat membuat tandu dengan dua pasang baju.
UBM18	<i>“There’s a freight train supposed to go out ...</i>	“... nanti ada sebuah keretapi barang yang kosong bertolak dari sini.
UBM19	<i>Behind the building a topless model T Ford touring car stood nosed in against the building.</i>	Di belakang bangsal itu sebuah kereta Ford model T yang tidak tertutup kelihatan terletak menghadap ke bangunan itu.

Bangunan adalah sesuatu yang dibangunkan seperti gedung, rumah dan lain-lain (Kamus Dewan, 2013). Konsep bangunan yang dicipta oleh manusia mempunyai fungsi yang tertentu seperti kediaman, tempat menjual sesuatu barang, tempat penyebaran ilmu, tempat keagamaan dan sebagainya. Dalam rajah 4.9, sebuah bangunan yang melambangkan budaya Barat ialah gereja. Tempat ini digunakan dalam menyebarkan agama atau kepercayaan Kristian. Gereja merupakan sebuah tempat suci bagi masyarakat Barat yang beragama Kristian. Hal ini demikian kerana fahaman Kristian merupakan domain utama kepercayaan bagi masyarakat Barat. Oleh itu, banyak gereja dibina atau dibangunkan bagi menyebarkan fahaman tersebut. Bagi kategori kediaman pula, gubuk-gubuk dan khemah-khemah didirikan oleh masyarakat Barat ketika itu

sebagai tempat perlindungan. Hal ini demikian kerana masyarakat Barat pada ketika itu terdiri daripada golongan buruh yang menjalankan aktiviti pertanian. Hasi kajian tentang budaya material bagi kategori kediaman ditunjukkan dalam jadual 4.9 berikut:

Jadual 4.9: Kediaman

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM20	<i>He hated churches.</i>	Ayah saya bencikan gereja .
UBM21	<i>An' then they burned down the shacks and tents.</i>	Dan mereka membakar gubuk-gubuk dan khemah-khemah tempat tinggal kaum buruh yang mogok itu.
UBM22	<i>Bunch of men burned up Al's lunch wagon last night.</i>	Suatu gerombolan orang membakar Gerai Makan Al malam tadi.
UBM23	<i>... toward the country road, where the orchard bunk houses were.</i>	... menuju ke bangsal perkebunan tempat mereka bermalam.
UBM24	<i>The apple trees grew in close to a small white ranch house.</i>	Pohon-pohon epal tumbuh berjejer dekat sebuah rumah desa yang bercat putih.

4.5 Budaya Sosial

Secara umumnya, budaya sosial meliputi aktiviti harian dalam kehidupan sesebuah masyarakat seperti pekerjaan, permainan dan riadah lain (Puteri Roslina Abd Wahid, 2012). Segala kegiatan atau aktiviti sosial yang menjadi amalan dalam kehidupan sesebuah masyarakat dianggap sebagai budaya masyarakat tersebut. Penterjemahan budaya sosial melibatkan aspek denotatif dan konotatif yang merupakan salah satu masalah dalam penterjemahan. Permasalahan ini menyebabkan proses terjemahan

menjadi sukar kerana penterjemah perlu memastikan ketetapan makna dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Data yang diprolehi berkaitan budaya sosial terdiri daripada dua kategori, iaitu pekerjaan dan perumpamaan. Hasil kajian tentang budaya sosial bagi pekerjaan dan perumpamaan ditunjukkan dalam jadual 4.10 dan jadual 4.11 seperti berikut:

Jadual 4.10 : Pekerjaan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBS1	<i>We might be able to put you on a truck.</i>	Kami mungkin dapat mengambilmu bekerja sebagai pemandu lori. ”
UBS2	<i>... these apple boys think quick ...</i>	“ Buruh pemetik epal ini nampaknya cepat berfikir...
UBS3	<i>... to get him to be a postmen.</i>	...memberikannya kerja sebagai posmen .
UBS4	<i>Well, he started a crazy speech on a street corner and a cop picked him up.</i>	Dia beraksi lagi dengan ceramah gilanya di sebatang lorong dan polis menangkapnya
UBS5	<i>You don't walk like no soldier.</i>	Langkahmu tak seperti seorang soldadu .

Perumpamaan merupakan ungkapan atau bahasa kiasan yang dicipta oleh masyarakat bahasa dan mendungkung makna tertentu. Bahasa kiasan ini digunakan untuk menyampaikan perasaan dan prasangka manusia secara tersirat. Oleh itu, kebijaksanaan penterjemah diperlukan dalam menterjemah bahasa kiasan. Hal ini demikian kerana terjemahan bahasa kiasan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu perlu menepati konteks maknanya. Terdapat juga perkataan dalam bahasa Inggeris yang sering dijadikan sebagai ungkapan kiasan tetapi berbeza penggunaannya dengan bahasa

Melayu. Hal ini demikian kerana pemikiran budaya Inggeris dan budaya Melayu adalah berbeza. Jadual 4.11 memaparkan hasil kajian unsur budaya sosial kategori perumpamaan yang terdapat dalam novel kajian.

Jadual 4.11: Perumpamaan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBS6	<i>“Even me, like a mad dog.”</i>	Aku sendiri pun kadang-kadang tak dapat menguasai diriku, seperti anjing gila.
UBS7	<i>Our guys ran like rabbits.</i>	Orang kita lari bertempiaran seperti arnab.
UBS8	<i>Just like a puppy with a knuckle-bon.</i>	Engkau seperti seekor anak anjing yang mendapat sepotong tulang.

4.6 Organisasi Sosial

Organisasi sosial meliputi politik dan pentadbiran yang melambangkan kehidupan sesebuah negara. Cabang pentadbiran di California terdiri daripada perundangan, kehakiman dan eksekutif. Setiap cabang pentadbiran memainkan peranan dalam membentuk dan membangunkan sesebuah negara. Terdapat peristiwa sejarah yang berlaku di California misalnya *Bloody Thursday* dan penindasan terhadap golongan buruh menjadi peristiwa penting yang melambangkan budaya Inggeris. Beberapa organisasi sosial turut diperkenalkan dalam budaya Inggeris seperti *Growers’ Association* dan *Red Cross*. Oleh itu, jadual 4.12 menunjukkan klasifikasi unsur budaya organisasi sosial berkaitan politik dan sejarah.

Jadual 4.12: Politik dan Sejarah

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS1	<i>The noble Party assaulted by the beast of Capitalism.</i>	... -anggaplah bahawa Parti yang mulis ditindas oleh binatang Kapitalisme .”...
UBOS2	<i>Well, the Growers’ Association just announced a pay cut to the pickers.</i>	Persatuan Pekebun Epal baru saja mengumumkan penurunan upah memetik epal.
UBOS3	<i>He’ll lay out the place and tend to the sanitation, so the Red Cross can’t run us off.</i>	... pihak Palang Merah tak mempunyai alasan untuk mengusir kita
UBOS4	<i>Revolution and communism will cure social injustice.</i>	Revolusi dan Komunisme pasti dapat hapuskan ketidakadilan sosial.
UBOS5	<i>We hate the invested capital that keeps us down.</i>	... yang kita benci adalah ketamakan kaum pemilik modal yang selalu menindas manusia.
UBOS6	<i>I was in ‘Frisco on Bloody Thursday.</i>	Saya berada di San Francisco ketika terjadi Peristiwa Berdarah Hari Khamis .
UBOS7	<i>I’ve heard you’re more select than the Union League Club.</i>	Saya dah dengar bahawa saudara lebih berhati-hati dalam memilih anggota daripada Union League Club .

Keagamaan merupakan satu kepercayaan yang menjadi pegangan dan diterapkan oleh masyarakat dalam menjalani kehidupan harian mereka. Setiap masyarakat budaya mempunyai satu kepercayaan utama yang melambangkan budaya mereka. Dalam konteks keagamaan dalam budaya Inggeris, fahaman Katolik merupakan kepercayaan dominan yang dianuti oleh mereka. Unsur budaya yang melibatkan organisasi sosial bagi kategori keagamaan adalah seperti dalam jadual 4.13 berikut:

Jadual 4.13: Keagamaan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS8	<i>She was a Catholic, but my father hated churches.</i>	Ibu saya penganut fahaman Katolik tetapi ayah saya membenci gereja.
UBOS9	<i>I had some, but I spent it for the funeral.</i>	Dulu ada juga simpanan saya tetapi saya gunakan untuk belanja pengkebumian ibu saya.
UBOS10	<i>It was Christmas on the Island.</i>	“... berhari Natal di sebuah Pulau. Semua pesalah ada di sana...”
UBOS11	<i>I don't believe in Heaven,</i> ”	“Saya tak percaya adanya syurga .”

4.7 Gerak Isyarat dan Tabiat

Gerak isyarat dan tabiat merujuk kepada perkaitan antara perlakuan dan fungsi yang mana digunakan pada masa dan keadaan tertentu. Kebiasaannya, gerak isyarat dan tabiat mempunyai makna ekspresif yang tersirat. Setiap gerak isyarat yang dilakukan oleh masyarakat adalah merujuk kepada perkara melarang, menyuruh, meminta dan sebagainya. Bukan itu sahaja, perlakuan tersebut menunjukkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam masyarakat seperti menghormati, merendah diri, menghargai dan sebagainya. Tabiat pula merujuk kepada perlakuan yang dilakukan dalam sesebuah masyarakat secara berulang-ulang. Makna ekspresif perlakuan yang berulang ini hanya diketahui dalam masyarakat budaya tersebut ataupun persamaan isyarat dalam budaya lain. Oleh itu, jadual 4.14 memaparkan data kajian bagi gerak isyarat dan tabiat yang terdapat dalam budaya Barat.

Jadual 4.14: Gerak Isyarat dan Tabiat

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT1	<i>The old man spat and watched the big white drop hit the ground.</i>	Lelaki tua itu meludah dan memperhatikan air ludahnya jatuh ke tanah...
UBGT2	<i>... all three shook their heads.</i>	... mereka menggelengkan kepala sahaja.
UBGT3	<i>Dakin nodded his head slowly in agreement.</i>	Dakin menganggukan kepalanya perlahan-lahan menyetujui.
UBGT4	<i>He held out his hand.</i>	Dia menghulurkan tangannya ...
UBGT5	<i>Dick made a half salute</i>	Dick mengacungkan tangannya seolah-olah memberi tabik

Berdasarkan jadual 4.14, data UBGT1 menunjukkan gerak isyarat yang dilakukan oleh seseorang untuk menyampaikan ekspresif marah. Perlakuan ‘meludah ke tanah’ merujuk kepada seseorang yang sedang berada dalam emosi marah yang keterlaluan. Hal ini kerana perbuatan tersebut dianggap sebagai perlakuan yang negatif yang boleh mencetuskan pergaduhan. Selain itu, data UBGT2 menunjukkan budaya masyarakat Barat ketika berkomunikasi yang mempunyai makna tersirat. Perlakuan ‘menggelengkan kepala’ membawa maksud ‘tidak mahu’. Hal ini menunjukkan persamaan dengan budaya Melayu yang mengatakan tidak dengan menggelengkan kepala dan mangangguk apabila bersetuju. Setiap gerak isyarat yang dilakukan oleh seseorang sudah pastinya difahami maksud tersirat tersebut. Perlakuan ini akhirnya menjadi kebiasaan dalam kehidupan mereka dan seterusnya diterapkan sebagai budaya mereka.

4.8 Rumusan

Pada bahagian ini, analisis unsur budaya yang terdapat dalam bahan kajian menunjukkan pelbagai aspek dalam meneliti budaya material dan budaya bukan material. Pendekatan Newmark (1988) yang digunakan oleh pengkaji ini berupaya membahagikan unsur budaya yang terdapat dalam bahan kajian. Antaranya unsur budaya yang dikategorikan seperti ekologi, budaya material, budaya sosial, organisasi sosial, dan gerak isyarat dan tabiat. Analisis klasifikasi unsur budaya ini seterusnya akan diteliti untuk mengkaji prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah karya sumber tersebut.

University of Malaysia

BAB 5: PROSEDUR PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA BAHASA INGGERIS – BAHASA MELAYU

5.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini pengkaji menganalisis strategi penterjemahan budaya yang digunakan oleh penterjemah ketika menterjemah teks sumber ke teks sasaran. Dalam analisis ini prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1998) digunakan untuk mengkaji strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Pengkaji menggunakan strategi yang diperkenalkan oleh Newmark dalam menganalisis data teks sumber ke teks sasaran. Prosedur terjemahan yang digunakan dalam kajian ini ialah naturalisasi, persamaan budaya, pemindahan, terjemahan literal, terjemahan label, neutralisasi, pengguguran dan penambahan, parafrasa, nota, maklumat tambahan dan glos, kuplet dan sinonim.

5.2 Neutralisasi

Strategi neutralisasi merangkumi dua prosedur, iaitu persamaan fungsian dan persamaan deskriptif. Prosedur persamaan fungsian diterapkan dalam perkataan budaya yang memerlukan perkataan budaya bebas dan istilah spesifik. Persamaan fungsian ini akan meneutralisasi atau mengeneralisasi kata dalam bahasa sumber yang ingin diterjemahkan. Analisis data kajian UBM22 mendapati frasa *shacks and tents* yang diterjemahkan sebagai *gubuk-gubuk dan khemah-khemah* dalam teks sasaran. Frasa *shacks and tents* merujuk kepada fungsi yang sama, iaitu tempat berlindung atau tempat berteduh. Dalam bahasa Inggeris perkataan *shacks* membawa maksud tempat perlindungan yang kecil dan primitif diperbuat daripada alam semula jadi. Perkataan terjemahan yang digunakan dalam teks sasaran, iaitu *gubuk* adalah bermaksud *dangau, rumah kecil misalnya di sawah*. Oleh itu, penterjemah menggunakan persamaan fungsi

dalam menterjemahkan perkataan *shacks*, iaitu tempat yang kecil dan digunakan sebagai berlindung.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM22	<i>An' then they burned down the shacks and tents.</i>	Dan mereka membakar gubuk-gubuk dan khemah-khemah tempat tinggal kaum buruh yang mogok itu.

Persamaan deskriptif pula merujuk kepada terjemahan yang disertakan huraian. Apabila perkataan budaya dalam bahasa sumber diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran akan dihuraikan maksud perkataan budaya tersebut. Hal ini demikian kerana perkataan budaya dalam teks sumber tiada istilah dalam teks sasaran. Oleh sebab itu, strategi terjemahan ini digunakan bagi menghuraikan bentuk dan fungsi perkataan budaya tersebut. Analisis data UBE7 mendapati perkataan *The maples* dalam teks sumber diterjemahkan sebagai “*Dedaun pohon maple di pinggir jalan di sekitar lapangan itu*” dalam teks sumber. Perkataan budaya Inggeris ini diterjemahkan berserta huraian kerana perkataan tersebut tidak mengandungi dalam budaya Melayu. Oleh itu, penterjemah menggunakan kaedah persamaan deskriptif bagi menjelaskan bentuk budaya Inggeris dalam teks sasaran.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE7	<i>The maples were beginning to drop leaves on the path.</i>	Dedaun pohon maple di pinggir jalan di sekitar lapangan itu mulai berguguran dan berserakan di jalan.

5.3 Persamaan Budaya

Strategi persamaan budaya merupakan proses terjemahan yang terhampir apabila perkataan dalam bahasa sumber diterjemahkan ke dalam perkataan budaya bahasa sasaran. Hal ini bermakna perkataan budaya dalam bahasa sumber digantikan dengan perkataan budaya dalam bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, terjemahan ini dikatakan sebagai yang terhampir kerana padanan yang dihasilkan bukanlah padanan yang tepat.

Analisis data UBG5 menunjukkan perbezaan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Perkataan *half salute* dalam teks bahasa sumber diterjemahkan sebagai *mengacungkan tangannya seolah-olah memberi tabik* dalam teks bahasa sasaran. Perkataan *half salute* dalam budaya Inggeris juga dikenali sebagai *Scout Sign* yang digunakan dalam situasi tertentu. Lazimnya, *half salute* digunakan dalam organisasi yang mempunyai kaitan dengan sejarah di Amerika Syarikat. Dalam perlakuan ini tiga jari ditegakkan, manakala ibu jari menekan jari kelingking di tengah tapak tangan dan diangkat selaras dengan bahu. Tanda ini melambangkan tiga aspek, iaitu tuhan dan negara, saling membantu dan mematuhi undang-undang. Hal ini berbeza dengan perlakuan tabik hormat budaya Melayu yang meletakkan tangan di paras kepala sebagai tanda penghormatan antara golongan bawahan dengan pihak atasan dalam pekerjaan tertentu. Oleh sebab budaya Melayu tidak mempunyai perkataan khusus bagi *half salute* penterjemah telah menggunakan makna perlakuan yang hampir sama dalam bahasa sasaran untuk menterjemahkan perkataan bahasa sumber tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT5	<i>Dick made a half salute</i>	Dick mengacungkan tangannya seolah-olah memberi tabik

Selain itu, prosedur persamaan budaya yang ditemui dalam bahan kajian adalah seperti dalam data UBGT3. Perkataan *shook their heads* dalam bahasa sumber diterjemahkan sebagai *mereka menggelengkan kepala* dalam teks bahasa sasaran. Perlakuan *shook their heads* dalam budaya Inggeris mendukung makna perasaan tidak setuju terhadap sesuatu perkara. Penterjemah mencari padanan budaya yang sama antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dalam budaya Melayu perkataan *menggelengkan kepala* turut mendukung makna tidak bersetuju dalam sesuatu perkara. Oleh itu, data UBGT3 yang diterjemahkan dari teks sumber ke teks sasaran ialah dua bahasa yang berbeza tetapi mendukung makna perbuatan yang sama.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT3	... <i>all three shook their heads.</i>	... mereka menggelengkan kepala sahaja.

5.4 Pemindahan

Proses pemindahan merujuk pemindahan sesuatu perkataan dalam teks sumber ke teks sasaran. Strategi ini juga meliputi kaedah transliterasi, iaitu proses mengalih huruf ke bentuk huruf yang lain seperti transliterasi Arab ke Inggeris. Perkataan tersebut kemudiannya diterima sebagai kata pinjaman. Analisis data UBOS9 mendapati perkataan *Catholic* dalam teks sumber diterjemahkan menjadi *Katolik* dalam teks sasaran. Prosedur pemindahan yang berlaku ini mengekalkan bunyi dan makna perkataan tersebut. Perkataan *Catholic* dikembangkan daripada bahasa Latin, iaitu *catholicus* yang membawa maksud sejagat. Perkataan ini melambangkan budaya Inggeris yang mempunyai penganut terbesar fahaman ini. Penterjemah menggunakan prosedur terjemahan ini dengan memindahkan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Selain itu, perkataan *postmen* dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *posmen* dalam teks bahasa sasaran. Bentuk perkataan bahasa Inggeris dipindahkan ke bahasa sasaran

dan diserapkan ke dalam bahasa sasaran. Analisis data yang menggunakan prosedur terjemahan pemindahan adalah seperti berikut:

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS9	<i>She was a Catholic, but my father hated churches.</i>	Ibu saya penganut fahaman Katolik tetapi ayah saya membenci gereja.
UBS3	<i>... to get him to be a postmen.</i>	<i>... to get him to be a postmen.</i>

5.5 Terjemahan literal

Prosedur terjemahan literal dikenali sebagai terjemahan harfiah merujuk kepada terjemahan perkataan demi perkataan secara langsung daripada teks sumber ke teks sasaran. Terjemahan literal sering digunakan terhadap kumpulan umum, nama organisasi, komponen kata majmuk, dan juga frasa kata pinjaman. Terjemahan literal bukan sahaja merujuk kepada terjemahan satu lawan satu tetapi meliputi sistem tatabahasa yang bersesuaian dalam bahasa sasaran. Kebiasaannya, terjemahan literal digunakan apabila menterjemah dua bahasa dalam rumpun yang sama dan mempunyai budaya yang sama. Tidak semua perkataan unsur budaya boleh menggunakan kaedah terjemahan literal. Hal ini demikian kerana perkataan yang menggunakan terjemahan langsung perlu mempunyai persamaan makna dalam teks sumber dan teks sasaran. Melalui teknik ini penterjemah menterjemahkan teks sumber ke dalam teks sasaran tanpa mengubah bentuk luaran, khususnya struktur linguistik teks asal.

Data UBOS3 menunjukkan perkataan demi perkataan diterjemahkan secara langsung. Perkataan *Red Cross* dalam teks sumber diterjemahkan menjadi *Palang Merah* dalam teks sasaran. *Red Cross* merujuk kepada sebuah organisasi yang ditubuhkan dan dianggotai sukarelawan. Pihak organisasi ini akan menjalankan kegiatan membantu masyarakat yang memerlukan tanpa mengira perbezaan agama, politik dan

sosial. Di negara kita juga wujudnya organisasi ini dan secara tidak langsung pembaca sudah mempunyai pengetahuan tentang makna organisasi ini. Oleh sebab itu, perkataan *Red Cross* diterjemahkan sebagai *Palang Merah* yang disesuaikan dengan bentuk kata bahasa sasaran tetapi masih mendukung makna yang sama.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS3	<i>so the Red Cross can't run us off.</i>	pihak Palang Merah tak mempunyai alasan untuk mengusir kita

Selain itu, analisis data UBM17 memindahkan frasa *five motorcycle* dalam teks sumber menjadi perkataan *lima buah motosikal* dalam teks sasaran. Menurut *Kamus Dewan* (2015) perkataan *motosikal* merujuk kepada sejenis kenderaan beroda dua yang dijalankan dengan enjin. Perkataan *motorcycle* dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *motosikal* dalam teks sasaran yang merujuk kepada makna yang sama dan perkataan ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Pengkaji juga mendapati frasa *five motorcycle* dalam teks sumber diterjemahkan secara literal dan disesuaikan dengan bentuk morfologi bahasa Melayu.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM17	<i>five motorcycle police rode up...</i>	lima buah motosikal yang masing-masing ditunggangi oleh seorang anggota polis...

5.6 Terjemahan label

Prosedur terjemahan label merujuk kepada terjemahan sementara yang kebiasaannya digunakan bagi istilah organisasi atau institusi baharu. Pengguna koma terbalik (*inverted comma*) digunakan dalam menterjemah perkataan budaya bahasa sumber ke bahasa sasaran. Analisis data UBOS4 menunjukkan bahawa perkataan *revolution* dalam

teks bahasa sumber diterjemahkan sebagai '*meletusnya revolusi*' dalam teks bahasa sasaran. Penterjemah menggunakan terjemahan label bagi perkataan *revolution* untuk menyampaikan perasaan dalam makna perkataan tersebut. Hal ini demikian kerana, perkataan revolusi membawa makna yang besar dalam budaya masyarakat dimana perkataan tersebut membawa maksud perasaan gerun dalam masyarakat budaya. Setiap masyarakat budaya mempunyai revolusi mereka masing-masing. Bagi menyampaikan makna perkataan *revolution* dengan lebih berkesan penterjemah menggunakan teknik terjemahan ini bagi merujuk sejarah perkembangan perkataan tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS4	<i>... they call out the troops to stop the revolution.</i>	... meminta bantuan tentera untuk mencegah ' meletusnya revolusi '.

Selain itu, data kajian UBM20 mendapati perkataan *model T Ford touring car* dalam teks sasaran diterjemahkan sebagai *kereta Ford model T* dalam teks sasaran. Kereta Ford model T merupakan sebuah kereta yang dikeluarkan oleh Syarikat Ford di Amerika Syarikat. Lambang perkataan *Ford* dikenali sebagai sesuatu perkara yang berhubung dengan perusahaan kereta. Oleh itu, kereta ini dikalsifikasikan sebagai budaya Inggeris kerana penggunaannya di California pada ketika itu. Terjemahan label bagi perkataan ini digugurkan penggunaan koma terbalik kerana istilah bagi perkataan itu sudah diketahui oleh khalayak. Penterjemah menggunakan prosedur terjemahan label dengan menterjemahkan perkataan tersebut secara harfiah.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM20	<i>a topless model T Ford touring car stood nosed in against the building.</i>	sebuah kereta Ford model T yang tidak tertutup kelihatan terletak menghadap ke bangunan itu.

5.7 Naturalisasi

Prosedur ini melibatkan pemindahan dan penyesuaian perkataan teks sumber ke teks sasaran dari segi sebutan. Kemudian penyesuaian perkataan dilakukan terhadap morfologi, iaitu bentuk kata dalam bahasa sasaran. Analisis data UBOS4 menunjukkan perkataan *revolution* dan *communism* yang merupakan kata pinjaman bagi bahasa sasaran. Perkataan *revolution* berasal daripada bahasa Latin, iaitu *revolutio* yang bermakna “perubahan”. Perkataan *revolution* mula dikenali dalam bahasa Perancis pada abad ke-13, manakala dalam bahasa Inggeris bermula pada lewat abad ke-14. *Revolution* ditakrifkan sebagai perubahan sesebuah kerajaan, sistem politik, atau sistem sosial yang dilakukan secara radikal atau rusuhan seperti rusuhan dan pemberontakan bersenjata (*Kamus Dewan*, 2015).

Di samping itu, analisis data UBOS5 menunjukkan perkataan *communism* dalam bahasa sumber diterjemahkan secara literal dan perkataan tersebut dipindahkan ke dalam bahasa sasaran. Pada awalnya perkataan *communism* berasal daripada perkataan Latin yang membawa maksud umum dan sejagat. Dalam bidang sains dan politik, *communism* ialah ideologi dan gerakan falsafah, sosial, politik dan ekonomi yang menjadi matlamat utama penubuhan masyarakat komunis. Dalam budaya Melayu perkataan komunisme didefinisikan sebagai fahaman politik yang hendak menjadikan semua harta dan barang pengguna sebagai hak milik kerajaan atau negara (*Kamus Pelajar*, 2008).

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS5	Revolution and communism will cure social injustice.	Revolusi dan Komunisme pasti dapat hapuskan ketidakadilan sosial.

Selain itu, analisis data UBS5 menunjukkan perkataan *soldier* diterjemahkan menjadi perkataan *soldadu* dalam bahasa sasaran. Perkataan *soldier* dalam budaya Inggeris membawa maksud “*seseorang yang berkhidmat sebagai tentera*”. Perkataan *soldadu* dari segi fonetik dan diubah suai bentuk kata tersebut untuk diserap sebagai kata pinjaman. Penterjemah menggunakan terjemahan perkataan daripada bahasa Portugis, iaitu *soldado* yang membawa maksud tentera. Dalam *Kamus Dewan* (2015) perkataan *soldadu* tidak lagi digunakan dan digantikan sebagai perkataan ‘*serdadu*’ yang mempunyai tiga makna. Salah satu makna yang didukung oleh perkataan ‘*serdadu*’ ialah askar, tentera atau perajurit. Pada pendapat pengkaji, penterjemah perlu menterjemah perkataan bahasa Inggeris dengan menggunakan perkataan yang mudah difahami. Hal ini demikian kerana penggunaan perkataan yang jarang digunakan oleh pembaca menyebabkan khalayak perlu mencari dan memahami perkataan tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBS5	You don’t walk like no soldier .	Langkahmu tak seperti seorang soldadu .

5.8 Pengguguran dan Pengembangan

Prosedur ini melibatkan sesuatu perkataan dilenyapkan atau dikembangkan dengan penambahan perkataan lain. Pengguguran juga dikenali sebagai penyempitan tatabahasa dengan menggugurkan perkataan-perkataan yang tidak penting. Hal ini menyebabkan perkataan terjemahan tersebut bersifat umum. Pengembangan juga merujuk kepada

pengembangan sesuatu tatabahasa misalnya penambahan kata, frasa atau klausa untuk mengukuhkan makna dalam teks sumber. Sesuatu perkataan akan digugurkan apabila mempunyai makna yang tepat walaupun tanpa perkataan tersebut manakala perkataan bahasa sasaran ditambahkan dengan perkataan lain seperti kata adjektif. Analisis data UBM19 menunjukkan perkataan *train* diterjemahkan sebagai ‘*keretapi barang yang kosong*’. Hal ini bermakna perkataan *train* dalam teks sumber diterjemahkan sebagai ‘*keretapi barang yang kosong*’ yang menunjukkan penambahan pada perkataan tersebut. Penterjemah mengembangkan perkataan *keretapi* tersebut kerana perkataan tersebut adalah penting dalam teks sasaran. Tujuan pengembangan ini secara tidak langsung dapat memberikan maklumat kepada pembaca tentang apa yang dimaksudkan oleh penulis karya tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM19	“ <i>There’s a freight train supposed to go out ...</i> ”	“... nanti ada sebuah keretapi barang yang kosong bertolak dari sini.”

Selain itu, analisis data UBM13 mendapati terdapat perkataan dalam teks sumber dikembangkan dan dilenyapkan dalam teks sasaran. Frasa *sixteen axe-handles acrost* diterjemahkan sebagai ‘*enam belas batang kapak besar*’ dalam teks sasaran. Dalam data ini, perkataan *acrost* dilenyapkan atau digugurkan dalam teks sasaran, manakala perkataan *axe-handles* dikembangkan menjadi ‘*kapak besar*’. Penterjemah menggunakan prosedur terjemahan ini dengan menggugurkan perkataan yang dianggap tidak penting dan mengembangkan perkataan yang diperlukan dalam teks sasaran.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM13	<i>Her al was sixteen axe-handles acrost,"he said.</i>	“Semua itu hanyalah enam belas batang kapak besar. ” Katanya.

5.9 Parafrasa

Parafrasa merupakan salah satu prosedur yang diperkenalkan oleh Newmark dalam penterjemahan budaya. Kadangkala proses ini dianggap sebagai jalan keluar (keperluan) yang digunakan oleh penterjemah. Prosedur parafrasa merujuk kepada strategi yang digunakan dalam memberi penjelasan dan penerangan tentang makna yang dimaksudkan dalam teks sumber. Proses ini digunakan dalam terjemahan apabila timbulnya kekaburan dan ketaksaan makna yang hendak disampaikan oleh teks sumber. Oleh hal yang demikian, perubahan ayat akan dilakukan terhadap teks sumber bagi memastikan makna dalam teks sumber dapat dipindahkan ke teks sasaran sehampir yang mungkin.

Analisis data UBE17 menunjukkan frasa *I killed the three cats* dalam teks sumber adalah sebagai subjek, manakala diterjemahkan ke dalam teks sasaran menjadi *melanggar tiga ekor kucing hingga mati* sebagai predikat. Penterjemah masih mengekalkan kesetiaannya pada teks sumber dengan menggunakan kaedah parafrasa dalam teks terjemahan. Dalam budaya Inggeris, masyarakat mereka lebih berterus terang dalam berkomunikasi. Hal ini berbeza dengan budaya Melayu yang perlu bersopan ketika berkomunikasi. Perkataan *killed* dalam bahasa Melayu bererti ‘*membunuh*’ dan perkara ini dianggap tidak bermoral oleh masyarakat Melayu. Oleh itu, pengkaji menggantikan dengan perkataan yang lebih baik serta menukarkan kedudukan frasa tersebut dalam ayat. Penggunaan parafrasa yang dilakukan oleh penterjemah ini masih mampu menyampaikan makna teks sumber tanpa mematuhi susunan bahasa.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE17	<i>I killed the three cats on the way here from Radcliffe</i>	Dalam perjalanan ke mari dari Radcliffe dulu saya melanggar tiga ekor kucing hingga mati.

Selain itu, analisis data UBE15 mendapati frasa *A barn-owl, screeching overhead* dalam teks sumber diterjemahkan sebagai '*seekor burung pungguk yang terbang menggeleper di atas mereka*' dalam teks sasaran. Penterjemah menggunakan prosedur terjemahan ini dalam menyampaikan makna frasa *A barn-owl, screeching* dalam teks sumber. Hal ini menunjukkan penterjemah masih mengekalkan kesetiaan dengan karya asal tanpa mengambil kira tentang perkataan tersebut. Tujuan utama penterjemah menggunakan prosedur ini agar makna dapat disampaikan kepada khalayak dengan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE15	<i>A barn-owl, screeching overhead with a ripping sound ...</i>	Seekor burung pungguk yang terbang menggeleper di atas mereka...

5.10 Kuplet

Couplets, triplets dan *quadruplets* merujuk kepada gabungan dua, tiga atau empat prosedur terjemahan yang digunakan dalam menangani masalah terjemahan budaya. Kebiasaannya strategi ini digunakan bagi menterjemah perkataan unsur budaya dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran. Secara umumnya untuk menterjemahkan perkataan budaya, prosedur pemindahan akan digabungkan dengan fungsian atau padanan budaya. *Quadruplet* pula merupakan strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menggabungkan empat prosedur terjemahan bagi menyampaikan makna budaya dalam bahasa sumber. Hal ini bertujuan untuk memastikan makna budaya dalam bahasa

sumber dapat disampaikan dengan tepat. Prosedur *quadruplet* hanya digunakan pada *metalinguages* (bentuk bahasa yang digunakan untuk menganalisis bahasa lain). Misalnya strategi terjemahan yang digabungkan seperti (i)pemindahan, (ii)pengembangan, (iii)terjemahan label, (iv)terjemahan fungsi dan literal.

Analisis data UBE9 mendapati bahawa penterjemah menggunakan prosedur terjemahan kuplet dalam teks sasaran. Frasa *ferns and green live oaks grew* diterjemahkan sebagai “*pohon pakis dan pohon kayu oak yang subur menghijau menyelimuti*” dalam teks bahasa sasaran. Hal ini menunjukkan bahawa penterjemah menggabungkan dua prosedur terjemahan dalam proses memindahkan maklumat bahasa sumber ke bahasa sasaran. Pertamanya, penterjemah menggunakan prosedur terjemahan terjemahan literal, iaitu terjemahan perkataan demi perkataan *fern* dan *oaks* diterjemahkan sebagai *pohon pakis* dan *pohon kayu oak* dalam bahasa Melayu. Kedua, penterjemah menggunakan prosedur terjemahan sinonim dalam menterjemahkan perkataan *grew* dalam bahasa sasaran.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE9	<i>Ferns and green live oaks grew on the steep sides of the right-of-way. (pg45)</i>	Pohon pakis dan pohon kayu oak yang subur menghijau, menyelimuti lereng bukit yang curam.

5.11 Sinonim

Prosedur terjemahan sinonim merujuk kepada konteks persamaan perkataan yang hampir dalam teks sasaran dengan perkataan teks sumber. Prosedur ini digunakan oleh teks sumber apabila tiada persamaan perkataan satu lawan satu secara jelas dan perkataan tersebut tidak penting dalam teks. Lazimnya, prosedur sinonim digunakan jika terjemahan literal tidak dapat digunakan dan perkataan tersebut tidak penting untuk

menggunakan prosedur analisis komponen. Analisis data UBM15 mendapati perkataan *cot* dalam bahasa sumber diterjemahkan sebagai ranjang dan katil dalam teks sasaran. Dalam bahasa Inggeris perkataan *cot* katil yang diperbuat daripada besi misalnya katil kem. Perkataan terjemahannya, iaitu *katil* dan *ranjang* adalah perkataan sinonim yang membawa maksud tempat tidur daripada besi. Penterjemah menggunakan perkataan sinonim dalam teks sasaran bagi mempelbagaikan perkataan untuk menarik minat pembaca. Penggunaan perkataan ini dapat mengelakkan penterjemah daripada mengulang perkataan yang sama. Walau bagaimanapun, perkataan '*ranjang*' dalam budaya Melayu jarang digunakan oleh masyarakat bahasa. Hal ini demikian kerana perkataan tersebut dianggap sebagai tidak sopan dan tidak formal.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM15	<i>Al lay on a cot by the stove.</i>	... berbaring di atas sebuah ranjang dekat dapur.

Selain itu, analisis kajian menunjukkan data UBM9 dalam teks sumber bagi perkataan *black, ugly coffee* dipindahkan ke bahasa sasaran menjadi *kopi hitam*. Secara umumnya perkataan *ugly* merujuk kepada rupa yang tidak menarik atau kosong. Dalam bahasa Melayu, perkataan *ugly* merujuk kepada rupa hodoh, buruk dan jelik. Perkataan *ugly* dalam data kajian dikaitkan dengan perkataan *black* yang membawa maksud berwarna gelap seperti arang. Perkataan *hitam* dan *hodoh* membawa makna saling berkaitan yang dilihat dari segi rupa. Penterjemah menggunakan prosedur terjemahan sinonim dengan menggugurkan perkataan tersebut dalam teks sasaran kerana perkataan tersebut dianggap tidak penting dalam teks tersebut. Budaya Melayu sering berlapik ketika bertutur dan jarang menggunakan perkataan negatif. Oleh sebab itu, makna perkataan yng sinonim ini dianggap tidak penting untuk diterjemah secara literal oleh

pengkaji. Prosedur terjemahan ini sesuai digunakan kerana penterjemah tidak perlu menterjemah perkataan budaya secara kata demi kata.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM9	... black, ugly coffee in Jim's hand.	Kopi hitam yang segera diberikannya kepada Jim

5.12 Nota, maklumat tambahan dan glos

Lazimnya, sesuatu perkataan atau ayat disertakan maklumat tambahan untuk mendukung makna dalam teks sumber. Prosedur terjemahan ini biasanya diletakkan di dalam teks sumber, nota kaki, nota hujung setiap bab atau di bahagian glosari, iaitu nota di bahagian akhir muka surat buku. Tujuan nota atau maklumat tambahan ini disertakan adalah bagi membantu pembaca memahami istilah-istilah khusus dalam teks sumber. Bahan kajian ini didapati menggunakan nota di bahagian akhir muka surat.

Maklumat tambahan bagi data UBOS8 disertakan takrifnya di bahagian akhir muka surat bahan kajian. Perkataan '*Union League Club*' diterangkan secara terperinci dalam maklumat tambahan. Perkataan ini merujuk kepada salah satu parti atau organisasi yang ditubuhkan semasa berlakunya perang saudara untuk menyokong dan dipengaruhi pentadbiran Presiden Lincoln. Seterusnya, mereka menjadi sebuah parti yang mencari dan mengawal politik tempatan. Ahli-ahli dalam organisasi ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kewangan yang kukuh, sosial dan kelayakan politik. Golongan minoriti dan kaum wanita dikecualikan keahliannya sehingga tahun 1960, apabila undang-undang diskriminasi tersebut dibubarkan oleh akta undang-undang sivil. Oleh hal yang demikian, perkataan '*Union League Club*' dalam teks sumber dikekalkan dalam teks sasaran. Perkataan ini diwujudkan oleh budaya Inggeris yang merupakan sebahagian sejarah budaya mereka. Dengan adanya maklumat tambahan tersebut

pembaca dapat memahami maksud organisasi yang ditubuhkan dalam budaya Inggeris tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS8	<i>I've heard you're more select than the Union League Club.</i>	Saya dah dengar bahawa saudara lebih berhati-hati dalam memilih anggota daripada Union League Club .

Selain itu, analisis data UBOS7 mendapati bahawa perkataan *Bloody Thursday* dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *Peristiwa Berdarah Hari Khamis* dalam teks terjemahan. Maklumat tambahan tentang peristiwa *Blood Thursday* ini telah disertakan dalam bahan kajian ialah tempat berlakunya peristiwa tersebut di San Francisco pada 5 Julai 1934. Tambahan pula, ketika itu polis di San Francisco telah membunuh dua orang ahli piket dan hampir 70 puluh orang cedera dalam percubaan membantah mogok oleh *International Longshormen's Organisation*. Pengkaji mendapati bahawa maklumat tambahan tentang *Bloody Thursday* ini sangat penting terjemahan teks sumber ke teks sasaran. Jika terjemahan dilakukan secara langsung tanpa maklumat tambahan yang disertakan dalam teks sasaran pembaca yang tidak mempunyai pengetahuan bagi perkataan tersebut tidak akan memahami perkataan tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS7	<i>I was in 'Frisco on Bloody Thursday.</i>	Saya berada di San Francisco ketika terjadi Peristiwa Berdarah Hari Khamis .

Pada pendapat pengkaji perkataan *Bloody Thursday* dalam teks sumber ialah kata nama khusus dan sewajarnya dikekalkan ejaan perkataan tersebut dalam teks sasaran. Hal ini demikian kerana budaya Inggeris adalah sesuatu perkara dialami dan diamati oleh masyarakat mereka. Dalam terjemahan tidak semua perkataan wajar diterjemahkan

secara langsung. Hal ini bertujuan bagi menjaga sensitiviti dan makna yang tersirat dalam perkataan teks sumber tersebut. Malahan peristiwa tersebut tidak dialami oleh budaya Melayu oleh itu kita tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman tentang perkara tersebut.

Jelaslah bahawa nota, maklumat tambahan dan glos ialah prosedur terjemahan yang penting dalam menterjemah teks bahasa sumber ke teks bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana penterjemah tidak perlu menterjemahkan sesuatu perkataan dengan memberikan huraian yang panjang agar pembaca dapat memahami makna perkataan tersebut dalam teks terjemahan. Penggunaan maklumat tambahan ini juga dapat menghindarkan penterjemah daripada menghadapi kesukaran menterjemah unsur budaya dalam teks sumber ke teks sasaran.

5.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini memaparkan hasil kajian berkaitan prosedur terjemahan yang digunakan dalam terjemahan teks sumber ke teks sasaran. Pendekatan Newmark (1988) yang digunakan dalam menganalisis data kajian hanya meliputi naturalisasi, persamaan budaya, pemindahan, terjemahan literal, terjemahan label, neutralisasi, pengguguran dan penambahan, parafrasa, nota, maklumat tambahan dan glos, kuplet dan sinonim. Hasil kajian mendapati penterjemah menggunakan prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark dalam menterjemahkan teks bahasa sumber ke teks bahasa sasaran.

BAB 6: KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang dapatan kajian secara menyeluruh yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap terhadap teks terjemahan, iaitu *In Dubious Battle (Perjuangan Sia- Sia)*. Hasil kajian yang diperoleh dalam bab analisis adalah menggunakan kaedah kualitatif yang telah dihuraikan secara terperinci pada bab sebelum ini. Penelitian yang dilakukan ini telah mencapai tujuan atau objektif kajian digariskan oleh pengkaji pada bahagian awal kajian. Hal ini bertujuan agar kajian yang dilakukan tidak tersasar daripada tujuan utama kajian. Secara keseluruhannya dapatan kajian yang diperoleh telah mencapai objektif utama kajian, iaitu untuk mengenalpasti unsur budaya yang terdapat dalam teks sumber dan teks terjemahan. Di samping itu, kajian yang dilakukan ini bagi menganalisis kaedah atau prosedur yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan teks sumber berdasarkan pendekatan Newmark (1988).

6.2 Rumusan Dapatan Kajian

Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk menganalisis unsur budaya yang terdapat dalam karya *In Dubious Battle (Perjuangan Sia- Sia)*. Tujuan utama yang digariskan dalam kajian adalah untuk menganalisis unsur budaya Inggeris yang diterjemahkan ke budaya Melayu. Analisis unsur budaya dalam teks terjemahan ini dilihat dari segi klasifikasi dan prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini didapati telah mencapai tujuan utama kajian. Oleh itu, rumusan dapatan kajian akan diterangkan secara terperinci pada subtajuk berikut.

6.2.1 Klasifikasi Unsur Budaya Dalam Teks Bahasa Inggeris (*In Dubious Battle*) Dan Terjemahan Dalam Bahasa Melayu (*Perjuangan Sia-Sia*)

Penterjemahan unsur budaya dalam teks sumber merupakan satu proses yang sukar dilakukan oleh penterjemah. Kesukaran yang berlaku ini bukan sahaja dari segi bentuk perkataan tetapi untuk mengekalkan makna perkataan dalam bahasa sumber tersebut. Tanpa pengetahuan yang mendalam tentang budaya bahasa sumber penterjemah tidak mampu menterjemah teks tersebut dengan baik. Dalam hasil kajian ini, pengkaji mengklasifikasi unsur budaya mengikut pendekatan Newmark (1988). Pendekatan ini dipilih kerana kekuatan teori ini dalam menjelaskan budaya yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Walaupun terdapat teori yang diperkenalkan oleh sarjana lain, pengkaji mendapati teori tersebut hampir sama dengan yang diperkenalkan oleh Newmark cuma istilah yang berbeza. Kajian yang dilakukan ini hanya memfokuskan budaya Inggeris dalam teks sumber. Unsur budaya Inggeris yang terdapat dalam teks sumber dikategorikan mengikut budaya ekologi, budaya material, budaya sosial, organisasi sosial dan gerak isyarat dan tabiat.

Penelitian yang dilakukan ini menunjukkan perbezaan yang berlaku antara budaya Inggeris dan budaya Melayu. Kehidupan dalam sesebuah masyarakat menggambarkan budaya dan lambang masyarakat tersebut. Bagi menjelaskan unsur budaya ekologi pengkaji mengelompokkan budaya tersebut dari segi muka bumi, flora, fauna dan iklim. Pengkaji mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara budaya Inggeris dan budaya Melayu. Faktor utama yang menyebabkan wujudnya jurang budaya ini adalah perbezaan geografi atau muka bentuk bumi budaya tersebut. Budaya material pula dilihat dari segi pakaian, pengangkutan makanan, kediaman dan peralatan. Dari segi budaya material juga dilihat wujudnya jurang perbezaan budaya khususnya dari segi budaya material pakaian. Hal ini demikian kerana, faktor iklim mempengaruhi budaya material budaya Inggeris.

Seterusnya, budaya sosial dilihat dari segi pekerjaan, aktiviti riadah, dan perumpamaan yang digunakan dalam masyarakat Inggeris. Dari segi perumpamaan budaya Inggeris dilihat lebih menumpukan penggunaan unsur haiwan sebagai bahasa kiasan. Bahasa kiasan yang terdapat dalam budaya Inggeris dan budaya Melayu adalah berbeza kerana kehidupan dan pengalaman hidup masyarakat yang berbeza. Organisasi sosial dalam budaya Inggeris dikaji dari segi politik, pentadbiran, sejarah dan undang-undang yang semestinya berbeza dengan budaya Melayu. Walau bagaimanapun, gerak isyarat dan tabiat dalam budaya Inggeris memperlihatkan sedikit persamaan dengan budaya Melayu. Hal ini kerana, penyebaran budaya yang berlaku dalam budaya Melayu yang diperoleh semasa zaman penjajahan. Oleh itu, wujudlah pemikiran dan ideology yang hampir sama dengan budaya Inggeris.

Secara keseluruhannya, data kajian yang diperoleh dianalisis mengikut klasifikasi unsur budaya yang dinyatakan sebelum ini. Hasil kajian mendapati wujudnya jurang perbezaan budaya antara budaya Inggeris dan budaya Melayu. Penterjemah telah menterjemahkan unsur budaya yang berbeza ini dengan sebaik mungkin dalam teks terjemahan. Oleh itu, dengan adanya klasifikasi unsur budaya ini memperlihatkan kepelbagaian aspek unsur budaya dalam meneliti budaya material dan budaya bukan material.

6.2.2 Prosedur Unsur Budaya Dalam Teks Bahasa Inggeris (*In Dubious Battle*) Dan Terjemahan Dalam Bahasa Melayu (*Perjuangan Sia-Sia*)

Pengkaji menganalisis data-data unsur budaya yang terkumpul yang diperolehi dalam teks terjemahan. Seterusnya data kajian tersebut dianalisis untuk mengkaji prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam teks terjemahan. Dalam mencapai tujuan objektif kedua ini pengkaji menggunakan pendekatan budaya terjemahan yang diasaskan oleh Newmark (1988). Prosedur terjemahan unsur budaya yang terdapat

dalam teks terjemahan hanya dikaji dengan beberapa prosedur sahaja, iaitu neutralisasi, persamaan budaya, pemindahan, terjemahan literal, terjemahan label, naturalisasi, pengguguran dan pengembangan, parafrasa, kuplet, sinonim dan nota, maklumat tambahan dan glos.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap data kajian didapati penterjemah lebih cenderung menggunakan terjemahan literal. Terjemahan literal, iaitu proses terjemahan kata demi kata dipilih oleh penterjemah kerana cara ini dilihat sesuai untuk menyampaikan makna atau mesej dalam teks sumber secara langsung. Hal ini demikian, aspek utama yang difokuskan oleh penterjemah ialah makna yang ingin disampaikan kepada pembaca. Oleh itu, cara ini kerap digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan perkataan, frasa dan ayat dalam teks sumber ke teks sasaran.

Selain itu, pengkaji juga mendapati teks sumber ini banyak memaparkan perkataan-perkataan mahupun ayat-ayat yang berunsur sejarah dan politik. Penggunaan perkataan atau frasa yang berkaitan merupakan satu kesukaran buat penterjemah. Hal ini kerana jika perkataan ini diterjemahkan secara literal boleh menimbulkan ketaksaan dan kekaburan dalam menyampaikan maklumat tersebut. Pengkaji mendapati wujudnya penggunaan nota, maklumat tambahan dan glos dalam teks kajian. Oleh itu, prosedur ini dianggap penting kerana bertujuan untuk memudahkan pembaca memperolehi maklumat tentang perkataan tersebut.

Oleh itu, jelaslah bahawa prosedur terjemahan merupakan satu strategi yang diperkenalkan untuk membantu penterjemah dalam menjalankan aktiviti terjemahan. Prosedur terjemahan yang digunakan dalam menganalisis data kajian terdiri daripada 11 prosedur sahaja. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati penterjemah kerap menggunakan terjemahan literal dalam menterjemah teks sumber ke teks sasaran. Namun, prosedur terjemahan lain masih digunakan oleh penterjemah bagi

menyampaikan makna dalam pelbagai bentuk untuk menarik minat pembaca dalam teks terjemahan.

6.3 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Penterjemahan merupakan bidang yang penting dalam masyarakat bahasa kerana dengan adanya aktiviti penterjemahan maklumat dapat disalurkan kepada masyarakat. Bidang terjemahan di negara kita perlu dikembangkan dan diperluaskan. Hal ini sejajar dengan kosep maklumat tanpa sempadan. Walaupun perkembangan teknologi semakin maju tetapi kualiti terjemahan antara tenaga mesin dan tenaga manusia adalah berbeza. Sistem atau program mesin terjemah adalah terhad dan terbatas berbanding manusia yang mempunyai pengetahuan yang luas serta tidak terbatas. Kajian tentang penterjemahan diharapkan dapat diteruskan oleh pengkaji-pengkaji masa hadapan.

Selain itu, dalam bidang kajian penterjemahan masih terdapat beberapa aspek yang boleh disentuh oleh pengkaji masa hadapan. Hal ini kerana kelompongan yang wujud dalam kajian lepas dapat dijadikan sebagai panduan untuk pengkaji masa hadapan mengisi kelompongan tersebut. Dalam kajian masa hadapan, pengkaji menyarankan agar kajian penterjemahan dikaji tentang nahu linguistik yang lebih tinggi misalnya semantik, pragmantik dan wacana. Hal ini demikian kerana kajian yang dilakukan oleh pengkaji hanya menyentuh pada peringkat unit bahasa yang kecil, iaitu bentuk perkataan dan frasa. Perhubungan kajian penterjemahan dengan semantik tidak dapat dipisahkan kerana dalam menterjemah dua aspek penting yang perlu dititikberatkan oleh penterjemah ialah isi dan makna.

Di samping itu, pengkaji juga mencadangkan agar kajian pada masa hadapan menggunakan pendekatan yang berbeza. Hal ini demikian kerana setiap pendekatan yang diketengahkan oleh pengkaji terdahulu mempunyai kekutan tersendiri misalnya

teori Newmark (1988), Nida (1964), Vinay dan Darbelnet (1958) dan sebagainya. Gabungan beberapa pendekatan juga digalakkan untuk digunakan dalam kajian penterjemahan unsur budaya. Dengan adanya gabungan pendekatan tersebut, pengkaji masa hadapan mungkin dapat menghasilkan teori atau pendekatan baru yang lebih baik berbanding pengkaji sebelum ini. Penghasilan teori atau pendekatan yang lebih baik ini dapat mengatasi masalah atau isu-isu penterjemahan pada masa ini yang seiring dengan perkembangan teknologi.

Pengkaji masa hadapan juga disarankan untuk menjalankan kajian dengan menggunakan bahan kajian yang berlainan. Misalnya karya terjemahan dua bahasa seperti puisi, pantun, syair dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, hasil kajian terjemahan terhadap karya tersebut bukan sahaja melihat unsur budaya tetapi nilai-nilai yang terkandung dalam sastera teks bahasa sumber. Bahkan kajian masa hadapan juga boleh dilihat pada terjemahan buku-buku akademik. Misalnya, bidang perniagaan, teknologi, perundangan dan sebagainya. Hal ini demikian kerana terjemahan buku akademik dilihat sebagai satu perniagaan pada pihak penterjemah. Namun, persoalan yang timbul adalah bentuk dan makna yang terdapat dalam teks sumber diterjemahkan dan disampaikan dengan sempurna kepada pembaca. Dengan adanya kajian-kajian terjemahan tersebut, perkara ini dapat menjadi panduan kepada penterjemah agar teks terjemahan yang dihasilkan adalah berkualiti.

Oleh itu, saranan kajian masa hadapan yang dinyatakan oleh pengkaji dapat menjadi inspirasi kepada kajian yang akan datang. Kajian-kajian terjemahan yang akan datang bukan sahaja menambahkan hasil kajian dalam bidang penterjemahan malahan menjadi bahan rujukan buat penterjemah sebelum menjalankan aktiviti terjemahan. Kajian terjemahan yang dilakukan adalah sangat penting untuk kegunaan penterjemah bagi memastikan keberkesanan dalam menyampaikan mesej teks sumber.

6.4 Rumusan

Kesimpulannya, penterjemahan merupakan hasil pemindahan maklumat daripada satu bentuk bahasa kepada satu bentuk bahasa yang lain (Newmark, 1988; Catford, 1965). Proses pemindahan ini bukan sahaja melibatkan dua bahasa yang berbeza malahan turut melibatkan budaya dan pengetahuan yang tinggi dalam bahasa sumber. Terjemahan karya kesusasteraan merupakan satu aspek yang sukar bagi penterjemah untuk mengekalkan makna dan konsep sastera dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kajian yang dilakukan ini meneliti unsur budaya dalam terjemahan karya diharap dapat membantu penterjemah dalam memilih prosedur terjemahan sebelum melakukan aktiviti terjemahan yang selanjutnya.

University of Malaysia

RUJUKAN

- Abdul Rahman Mandali & Hasuria Che Omar. (2015). Aspek Metafora Dalam Retong dan Srengenge: Analisis Kaedah Penterjemahan dan Pemindahan Makna, *Jurnal Bahasa*. 15(2), 237-266.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Ainon Muhammad. (1994). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anis Shahirah Binti Abdul Sukur. (2016). *Penterjemahan Tajuk Utama Iklan Dalam Katalog Bercetak* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya).
- Awang Sariyan. (2002). *Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bassnet, S. (1980). *Translation Studies*. New York: Methuan.
- Chun, T. H. (2009). *Masalah Kala Dalam Penterjemahan Novel Saman Ke Dalam Bahasa Korea (dlm. Kelestarian Bidang Penterjemahan)*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Cho, M. (2016). *Penterjemahan Unsur Budaya Dalam Antologi Cerpen Bahasa Korea-Bahasa Melayu Perjalanan Ke Samp'o* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya).
- Cho, M. & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea – Bahasa Melayu, *Jurnal Melayu*. 15(2), 160-175.
- E Uma Iyavoo dan Koh Chung Gaik. (1996). *Teori Linguistik Bagi Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ugene A. Nida. (1964). *Toward a Science of Translation*. Leiden: E.J. Brill.
- Goh, S. S. & Boh, P. E. (2014). *Analisis Strategi Penterjemahan Chengyu Ke Dalam Bahasa Melayu*. GEMA Online Journal of Language Studies. 14(2), 75-91.

- Goh S. S. (2011). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina – Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan, *GEMA Online Journal of Language Studies*. 11(1), 35-56.
- Goh S. S. (2016). *Isu-Isu Terjemahan Karya Sastera*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Harimurti Kridalaksana. (1984). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Hashim Awang A.R. (1998). *Budaya & Kebudayaan: Teori Isu dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Citra Budaya.
- Hasuria Che Omar dan Rokiah Awang. (2009). *Kelestarian Bidang Penterjemahan Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-12, 2009*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Haslina Haroon & Hasuria Che Omar. (2016). Kata Bantu Ragam Dalam Terjemahan Inggeris – Melayu, *Jurnal Bahasa*. 16(2). 19-212.
- Haslina Haroon & Hasuria Che Omar. (2013). *Asas Terjemahan dan Interpretasi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hervey, S. & Higgins, I. (1992). *Thinking French Translation: A Course in Translation Method French to English*. London & New York: Routledge.
- John Steinbeck. (1979). *In Dubious Battle (3th ed.)*. England: Penguin Books.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. (1995). Utusan Publications & Distributors.
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Terkini . (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairunisah Bt Sayed Ibrahim. (2008). *Unsur Budaya Dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu – Bahasa Jerman Satu Analisis* (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya).

- Kroeber A. L. & Kluckhohn C. (1952). *Culture: A Critical Review of Concepts and Definitions*. Cambridge.
- Larson. (1984). *Meaning Based Translation: A Guide To Cross-Language Equivalence*. London: University Press of America.
- Mahsun. (2005). *Metode Penelitian Bahasa*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Mohd Sheffie. (1987). *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mouly G. J. (1970). *The Science of Educational Research*. Van Nostrand Reinhold Co.
- Muhammad Ridhwan. (1989). *Perjuangan Sia-Sia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Method Qualitative and Quantitative Approach (4th ed.)*. Needim Heights.
- Neuman W. L. (1991). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Allyn and Bacon.
- Newmark, P (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon.
- Newmark, P (1988). *A Textbook of Translation*. London: Prentice Hall International.
- Nida, A. E. (1914). *Contexts in Translating*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Nida, A. E. (1964). *Towards a Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Norhazlina Husin. (2015). *Strategi Penterjemahan Elemen Budaya Bukan Material Dalam The Works Is Flat: A Brief History Of The Globalized World In The Twenty-First Century Ke Dalam Bahasa Melayu* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia).
- Nur Faezah & Hasnah Mohamad. (2015). Perbandingan Terjemahan Manusia Dengan Terjemahan Mesin Dalam Buku Fitness 24/7, *Jurnal Bahasa*. 15(2), 307-335.

- Nur Hafeza & Goh Sang Seong. (2014). Strategi Penterjemahan Nilai Dan Kepercayaan Dalam Novel Sungai Mengalir Lesu, *Jurnal Bahasa* 13(2) 273-291.
- Ooi Hooi Boey. (2013). *Strategi Penterjemahan Kata Nama Khas Dalam Teks Kesusasteraan Klasik Negara China Ke Bahasa Melayu* (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya).
- Oxford Compact Advanced Learner's English - Malay Dictionary. (2007). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ratna Danyati. (2012). Penterjemahan Kata-Kata Berkonsep Budaya Dalam Novel Anchee Min "Empress Orchid". *Jurnal Wanastra*. 3(1) 55-68. United States of America: Longman Inc.
- Rokiah Awang. (2009). *Penterjemahan Kata Nama Khas Dalam Akhbar Melayu (dlm. Kelestarian Bidang Penterjemahan)*, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Roger T. Bell. (1991). *Translation and Translating Theory and Practice*. United States of America: Longman Inc.
- Rohani Sulaiman (2008). *Tafsiran Budaya: Esei Pilihan oleh Clifford Geertz*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Stuart Campbell. (1998). *Translation Into The Second Language*. New York: Addison Wesley Longman Limited.
- Suziana Bt. Mat Saad. (2005). *Terjemahan Metafora Melayu Ke Bahasa Perancis: Analisis Novel "Salina"*. (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya).
- Talib Samat. (2004). *Memahami Isu-Isu Kesusasteraan, Kebudayaan, Pemikiran dan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Tylor, E. B. (1871). *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom*. New York: Gordon Press.